

# FIKIRAN DAN INTERPRETAN DALAM *BAHTERA MADANI*

*Arbak Othman*

## Abstrak

Makalah ini menerangkan sifat interpretan yang mungkin dapat dikesan daripada organisasi struktural puisi dalam *Bahtera Madani* karya penyair A. Aziz Deraman. Penulis makalah ini cuba menunjukkan cara mana beberapa faktor yang saling berhubungan dapat disatukan untuk menghasilkan realisasi hakikat puisi yang termungkin dari sudut bentuk budaya yang tergambar pada wajah dan hati mesej sebagaimana yang dimaksudkan oleh penyair. Faktor tersebut mungkin meliputi konsep tentang idea dan fikiran sebagai asas menafsir falsafah budaya yang terletak baik di bawah, mahupun di permukaan puisi, fungsi tanda dalam penandaan tindakan dan realiti manusia sebagaimana yang ditafsirkan oleh hubungan semantik dan pragmatik melalui struktur urutan kata dalam puisi, termasuk pengetahuan pembaca tentang budaya yang sama yang difahami dan dimiliki oleh penyair. Percubaan ini akan membuktikan sejenis kajian makna yang wujud antara dan di bawah kemungkinan makna yang lain dalam puisi.

## Abstract

*This article explains the available nature of interpretants derived from the structural organization of poems in Bahtera Madani, an anthology by A. Aziz Deraman, the poet. The author tries to show how inter-related factors are gathered to contribute to the possible realization of poetic realm in terms of cultural appearances on the face and heart of the message as intended by the poet. The factors may include the concepts of idea and thought as the basis for interpreting the cultural philosophy that lies beneath the surface structures of poetry, the function of sign in the signification of human actions and realities as interpreted by their semantic and pragmatic relations through structural*

*sequences of words in poetry as well as the knowledge of culture possessed by the reader about the same culture understood by the poet. This endeavor will prove an intended study of meaning among and beneath other meanings in poetry.*

## PENDAHULUAN

Matlamat semua sains adalah kebenaran. Mencari kebenaran adalah tugas semua sains; proses ini turun ke taraf logik tatkala melihat dan menanggapi undang-undang kebenaran. Apabila kita bercakap tentang undang-undang moral atau keadaan, kita maksudkannya peraturan yang sepatutnya dipatuhi tetapi boleh jadi tidak seragam pada keadaan sebenar. Rumus untuk melihat, memikirkan, menilai dan membuat kesimpulan adalah berikutan daripada undang-undang kebenaran. Undang-undang pemikiran, yang boleh jadi tidak sekata, dapat pula diinterpretasi dalam bandingan dengan “undang-undang alam” yang kejadiannya rata-rata sekata, tetapi penglahiran fikiran sebagai kejadian mental akan tetap termaksud oleh undang-undang fikiran yang sama.

Yang dimaksudkan ‘benar’ itu bukanlah sesuatu yang asli, sebagaimana yang sering terjadi dalam pertimbangan tentang persoalan seni, apabila kebenaran dianggap sebagai matlamat seni, atau apabila karya seni berulang-ulang kali diperkatakan. Ada orang yang menganggap kebenaran itu gambaran, idea, kenyataan dan fikiran. Jika kita memberi maksud kebenaran itu idea, kita boleh sahaja membandingkannya dengan sesuatu benda, jika benda itu juga suatu idea. Sebaliknya, kita boleh sahaja mengatakan sama ada sesuatu idea itu benar atau tidak benar, dan kesangsian ini dengan sendirinya membuktikan bahawa kebenaran itu bukan sejenis idea. Jika kita menganggap kebenaran itu sejenis gambaran, makna “buah” yang terdapat dalam ayat “Buah itu manis”, menyebabkan kebenaran tentang buah yang sebenar-benarnya sudah pun dikurangi kepada “kebenaran ayat”, supaya buah sebagai benda dengan sifat fizikal termasuk rasanya diketepikan, kerana apabila kita mengatakan ayat tersebut benar, kebenaran tersebut sebenarnya idea ayat. Oleh itu, apabila kita mengatakan sesuatu itu benar, maka kebenaran tentang benarnya sama sekali tidak terhad: berada dalam kebenaran tentang benda dan sifat atau kualiti yang lain secara terwujud dalam gabungan.

Berdasarkan konsep kebenaran yang diperoleh pengertiannya sebagai “benar”, maka dalam gabungan itulah akhirnya perlu difikirkan akan idea atau fikiran yang terdapat dalam sesebuah puisi, iaitu kebenaran yang ditentukan oleh kebenaran makna atau idea ayat atau ungkapan yang

*sequences of words in poetry as well as the knowledge of culture possessed by the reader about the same culture understood by the poet. This endeavor will prove an intended study of meaning among and beneath other meanings in poetry.*

## PENDAHULUAN

Matlamat semua sains adalah kebenaran. Mencari kebenaran adalah tugas semua sains; proses ini turun ke taraf logik tatkala melihat dan menanggapi undang-undang kebenaran. Apabila kita bercakap tentang undang-undang moral atau keadaan, kita maksudkannya peraturan yang sepatutnya dipatuhi tetapi boleh jadi tidak seragam pada keadaan sebenar. Rumus untuk melihat, memikirkan, menilai dan membuat kesimpulan adalah berikutan daripada undang-undang kebenaran. Undang-undang pemikiran, yang boleh jadi tidak sekata, dapat pula diinterpretasi dalam bandingan dengan “undang-undang alam” yang kejadiannya rata-rata sekata, tetapi penglahiran fikiran sebagai kejadian mental akan tetap termaksud oleh undang-undang fikiran yang sama.

Yang dimaksudkan ‘benar’ itu bukanlah sesuatu yang asli, sebagaimana yang sering terjadi dalam pertimbangan tentang persoalan seni, apabila kebenaran dianggap sebagai matlamat seni, atau apabila karya seni berulang-ulang kali diperkatakan. Ada orang yang menganggap kebenaran itu gambaran, idea, kenyataan dan fikiran. Jika kita memberi maksud kebenaran itu idea, kita boleh sahaja membandingkannya dengan sesuatu benda, jika benda itu juga suatu idea. Sebaliknya, kita boleh sahaja mengatakan sama ada sesuatu idea itu benar atau tidak benar, dan kesangsian ini dengan sendirinya membuktikan bahawa kebenaran itu bukan sejenis idea. Jika kita menganggap kebenaran itu sejenis gambaran, makna “buah” yang terdapat dalam ayat “Buah itu manis”, menyebabkan kebenaran tentang buah yang sebenar-benarnya sudah pun dikurangi kepada “kebenaran ayat”, supaya buah sebagai benda dengan sifat fizikal termasuk rasanya diketepikan, kerana apabila kita mengatakan ayat tersebut benar, kebenaran tersebut sebenarnya idea ayat. Oleh itu, apabila kita mengatakan sesuatu itu benar, maka kebenaran tentang benarnya sama sekali tidak terhad: berada dalam kebenaran tentang benda dan sifat atau kualiti yang lain secara terwujud dalam gabungan.

Berdasarkan konsep kebenaran yang diperoleh pengertiannya sebagai “benar”, maka dalam gabungan itulah akhirnya perlu difikirkan akan idea atau fikiran yang terdapat dalam sesebuah puisi, iaitu kebenaran yang ditentukan oleh kebenaran makna atau idea ayat atau ungkapan yang

*sequences of words in poetry as well as the knowledge of culture possessed by the reader about the same culture understood by the poet. This endeavor will prove an intended study of meaning among and beneath other meanings in poetry.*

## PENDAHULUAN

Matlamat semua sains adalah kebenaran. Mencari kebenaran adalah tugas semua sains; proses ini turun ke taraf logik tatkala melihat dan menanggapi undang-undang kebenaran. Apabila kita bercakap tentang undang-undang moral atau keadaan, kita maksudkannya peraturan yang sepatutnya dipatuhi tetapi boleh jadi tidak seragam pada keadaan sebenar. Rumus untuk melihat, memikirkan, menilai dan membuat kesimpulan adalah berikutan daripada undang-undang kebenaran. Undang-undang pemikiran, yang boleh jadi tidak sekata, dapat pula diinterpretasi dalam bandingan dengan “undang-undang alam” yang kejadiannya rata-rata sekata, tetapi penglahiran fikiran sebagai kejadian mental akan tetap termaksud oleh undang-undang fikiran yang sama.

Yang dimaksudkan ‘benar’ itu bukanlah sesuatu yang asli, sebagaimana yang sering terjadi dalam pertimbangan tentang persoalan seni, apabila kebenaran dianggap sebagai matlamat seni, atau apabila karya seni berulang-ulang kali diperkatakan. Ada orang yang menganggap kebenaran itu gambaran, idea, kenyataan dan fikiran. Jika kita memberi maksud kebenaran itu idea, kita boleh sahaja membandingkannya dengan sesuatu benda, jika benda itu juga suatu idea. Sebaliknya, kita boleh sahaja mengatakan sama ada sesuatu idea itu benar atau tidak benar, dan kesangsian ini dengan sendirinya membuktikan bahawa kebenaran itu bukan sejenis idea. Jika kita menganggap kebenaran itu sejenis gambaran, makna “buah” yang terdapat dalam ayat “Buah itu manis”, menyebabkan kebenaran tentang buah yang sebenar-benarnya sudah pun dikurangi kepada “kebenaran ayat”, supaya buah sebagai benda dengan sifat fizikal termasuk rasanya diketepikan, kerana apabila kita mengatakan ayat tersebut benar, kebenaran tersebut sebenarnya idea ayat. Oleh itu, apabila kita mengatakan sesuatu itu benar, maka kebenaran tentang benarnya sama sekali tidak terhad: berada dalam kebenaran tentang benda dan sifat atau kualiti yang lain secara terwujud dalam gabungan.

Berdasarkan konsep kebenaran yang diperoleh pengertiannya sebagai “benar”, maka dalam gabungan itulah akhirnya perlu difikirkan akan idea atau fikiran yang terdapat dalam sesebuah puisi, iaitu kebenaran yang ditentukan oleh kebenaran makna atau idea ayat atau ungkapan yang

*sequences of words in poetry as well as the knowledge of culture possessed by the reader about the same culture understood by the poet. This endeavor will prove an intended study of meaning among and beneath other meanings in poetry.*

## PENDAHULUAN

Matlamat semua sains adalah kebenaran. Mencari kebenaran adalah tugas semua sains; proses ini turun ke taraf logik tatkala melihat dan menanggapi undang-undang kebenaran. Apabila kita bercakap tentang undang-undang moral atau keadaan, kita maksudkannya peraturan yang sepatutnya dipatuhi tetapi boleh jadi tidak seragam pada keadaan sebenar. Rumus untuk melihat, memikirkan, menilai dan membuat kesimpulan adalah berikutan daripada undang-undang kebenaran. Undang-undang pemikiran, yang boleh jadi tidak sekata, dapat pula diinterpretasi dalam bandingan dengan “undang-undang alam” yang kejadiannya rata-rata sekata, tetapi penglahiran fikiran sebagai kejadian mental akan tetap termaksud oleh undang-undang fikiran yang sama.

Yang dimaksudkan ‘benar’ itu bukanlah sesuatu yang asli, sebagaimana yang sering terjadi dalam pertimbangan tentang persoalan seni, apabila kebenaran dianggap sebagai matlamat seni, atau apabila karya seni berulang-ulang kali diperkatakan. Ada orang yang menganggap kebenaran itu gambaran, idea, kenyataan dan fikiran. Jika kita memberi maksud kebenaran itu idea, kita boleh sahaja membandingkannya dengan sesuatu benda, jika benda itu juga suatu idea. Sebaliknya, kita boleh sahaja mengatakan sama ada sesuatu idea itu benar atau tidak benar, dan kesangsian ini dengan sendirinya membuktikan bahawa kebenaran itu bukan sejenis idea. Jika kita menganggap kebenaran itu sejenis gambaran, makna “buah” yang terdapat dalam ayat “Buah itu manis”, menyebabkan kebenaran tentang buah yang sebenar-benarnya sudah pun dikurangi kepada “kebenaran ayat”, supaya buah sebagai benda dengan sifat fizikal termasuk rasanya diketepikan, kerana apabila kita mengatakan ayat tersebut benar, kebenaran tersebut sebenarnya idea ayat. Oleh itu, apabila kita mengatakan sesuatu itu benar, maka kebenaran tentang benarnya sama sekali tidak terhad: berada dalam kebenaran tentang benda dan sifat atau kualiti yang lain secara terwujud dalam gabungan.

Berdasarkan konsep kebenaran yang diperoleh pengertiannya sebagai “benar”, maka dalam gabungan itulah akhirnya perlu difikirkan akan idea atau fikiran yang terdapat dalam sesebuah puisi, iaitu kebenaran yang ditentukan oleh kebenaran makna atau idea ayat atau ungkapan yang

digunakan dalam puisi yang dicipta. Konsep “kebenaran” yang penyataan tentang maksudnya tidak palsu itu tidak termungkinkan dalam puisi. Apabila kita mengatakan sesuatu yang palsu tentang sesuatu fikiran, persoalan kebenaran pasti timbul. Oleh sebab itu, apabila kita menyatakan apa yang palsu tentang sesuatu fikiran, kita juga mengatakan yang benar tentangnya. Justeru, fikiran yang dikaitkan dengan wujud atau tidaknya kebenaran, selain kepalsuan di dalamnya, tidak lain adalah maksud ayat, dengan syarat tanpa adanya keinginan untuk mengatakan bahawa maksud setiap ayat itu semestinya fikiran.

## **KEBENARAN**

Kebenaran bukannya kualiti yang menyamai sejenis gambaran-maksud. Oleh sebab itu, kebenaran dibezakan daripada kualiti yang kita tunjukkan melalui kata “merah”, “pahit” dan “busuk” yang digunakan dalam puisi. Dalam pada itu, kita juga boleh membuat gambaran-maksud untuk membezakan sesuatu benda, seperti antara yang bermagnet dengan yang tidak bermagnet agar setiap sifat sesuatu benda sebenarnya tergabung dalam sifat sesuatu fikiran, iaitulah, kebenarannya.

Dalam wacana puitik, memang sukar untuk dicapai fikiran yang dikeluarkan oleh penyairnya dalam ungkapan atau ayat yang digunakannya dalam puisinya. Jika fikiran itu dianggap sesuatu yang mempunyai sifat dan hakikat atau realiti, bukti yang boleh disampaikan oleh ayat atau ungkapan memang jauh daripada bebar, kalau dalam ayat biasa yang digunakan dalam perhubungan juga sukar ditentukan di dalamnya mengikut tuntutan kebenaran yang wujud di dalamnya. Maka ungkapan dalam puisi akhirnya jauh lebih palsu jika maksud ayat mahu digunakan sebagai fikiran yang terlahir daripada ayat tersebut.

Apabila sesuatu ayat tidak diucapkan sebagai unsur komunikasi, tetapi hanya sebagai unsur bahasa tulisan, maka fikiran sukar diukur dalam puisi jika maksud ayat sahaja digunakan untuk mendapatkan fikiran yang wujud di dalamnya. Apabila bentuk tulisan itu dapat menggantikan bentuk bahasa lisan asalnya, maka fikiran barangkali boleh diusahakan, kerana fikiran sentiasa boleh ditakrif sebagai maksud ayat yang tergabung dalam tulisan tersebut.

Ayat dalam puisi sukar dipertahankan sebagai ayat indikatif sebagaimana ayat dalam perbualan. Dalam bahasa biasa, ayat yang bukan daripada jenis indikatif, yakni, “yang menunjukkan”, pun sukar ditentukan fikirannya, kecuali setelah pertanyaan mendapat jawapan “ya” sebagai ayat indikatif dalam sifatnya

gerak balas kepada pertanyaan yang telah difahami kebenaran tentang fikiran di dalamnya. Sesuatu ayat tanya dan ayat indikatifnya mengandungi fikiran yang sama, tetapi ayat indikatif boleh juga mengandungi sesuatu yang lain, iaitu pernyataan. Ayat tanya mengandungi sesuatu yang lebih daripada itu, iaitu suatu pertanyaan. Oleh sebab itu, dua perkara mestilah dibezakan dalam suatu ayat indikatif: kandungan, yang mempunyai persamaan dengan ayat-soalan, dan pernyataan. Yang pertama itu dinamai fikiran, atau sekurang-kurangnya mengandungi fikiran. Oleh sebab itu, dimungkinkan bahawa fikiran dapat sahaja digambarkan tanpa menyandarkannya pada kebenaran. Kedua-duanya tergabung dalam ayat indikatif tempat dikenal pasti keterpisahannya. Berdasarkan fahaman ini, maka dapatlah dibezakan: penangkapan fikiran – *pemikiran*, pengenalpastian kebenaran sesuatu fikiran – *pertimbangan dan manifestasi pertimbangan ini – pernyataan*.

Dalam puisi, ayat indikatif tidak wujud sebagai gerak balas kepada pertanyaan. Sebaliknya, pertanyaan yang diajukan tidak terhadap ayat secara terpisah, tetapi terhadap paragraf (atau stanza) dalam wacana. Walaupun fikiran sukar dirumuskan, namun pemikiran tetap ada di sebalik wacana yang disoalkan. Alat untuk mendapatkan pemikiran ini ialah interpretasi terhadap tanda yang digunakan, sama ada seluruh puisi, beberapa stanza daripadanya atau beberapa ayat sebelum yang terungkap dalam wacana. Oleh sebab dalam puisi peranan penyair bukan pelaku, kerana ungkapan yang digunakannya bukan lakuan bahasa, maksud yang dibawa oleh ungkapan bukanlah makna ujaran. Oleh sebab itu, maksud puisi akan menjadi lebih banyak dicirikan oleh tanggapan yang hanya boleh ditakrif sebagai pemikiran setelah tanggapan itu ditafsirkan melalui penampilan yang dicirikan oleh pertimbangan semiotik terhadap ujaran melalui interpretasi tanda. Malahan, fikiran yang digarap oleh penafsir melalui interpretasi tanda tidak dapat membuktikan fikiran yang boleh dirumuskan daripada makna lakuan pada aras linguistik.

Fikiran yang dapat ditanggap dalam puisi hanya dimungkinkan oleh kehadiran ayat indikatif, yang boleh dicam kebenaran dalamnya. Walaupun puisi bukan ujaran linguistik untuk maksud komunikasi, namun konsep komunikasi dalam puisi menunjukkan hubungan pemahaman antara yang dimungkinkan oleh penyair dengan yang dimungkinkan oleh penafsir puisinya. Ayat indikatif dalam puisi biasanya digunakan oleh penafsir untuk melihat pernyataan, sama ada pernyataan itu benar-benar hadir atau tidak hadir dalam ayat atau ungkapan tersebut. Itulah sebabnya maka untuk mengetahui ada atau tiadanya pernyataan, atau kandungan untuk kebenaran, persoalan sering dibangkitkan melalui kesungguhan negatif bagi meletakkan fikiran yang disangkut di

situ. Hal ini juga membuktikan bahawa nilai kebenaran yang terkandung pada pemikiran yang disangkutkan itu tidak boleh lagi ditokok tambah bagi memberi sifat kebenaran kepadanya. Kebenaran pada pemikiran yang telah melalui interpretasi boleh jadi tidak dapat dilihat sebagai yang dinyatakan oleh ungkapan melalui penggunaan kata tertentu padanya.

Ayat atau ungkapan indikatif, sebagaimana yang memberi sifat kepada bentuk puitik, biasanya mengandungi, selain fikiran dan pernyataan, komponen ketiga yang tidak boleh diperluas lagi oleh pernyataan. Komponen ini dikatakan bertindak ke atas perasaan, dan suasana pembaca, bagi menimbul dan menggerakkan imaginasi. Kata seperti “wahai”, “oh”, dan “ya Tuhan” tergolong di sini. Konstituen ayat atau ungkapan seperti itu begitu ketara dalam puisi. Yang digelar kemanusiaan sebenarnya mempunyai hubungan yang erat dalam puisi dan, oleh sebab itu, kurang saintifik jika dibandingkan dengan sains tulen, kerana sains tulen terhalu ke arah kebenaran sahaja. Oleh yang demikian, semua konstituen ayat yang mempunyai tekanan dan kuasa ke atas pembentukan pernyataan tidak dapat tergolong kepada pendedahan saintifik, walaupun, dalam banyak hal, banyak bahaya yang berhadapan dengan pendedahan seni yang sukar dielakkan. Bahaya ini bukanlah sesuatu yang mendatangkan kesan buruk terhadap pembaca, malahan fikiran yang tafsir daripada ungkapan puitik yang dilakukan itu boleh berbeza-beza daripada perspektif kebenaran berdasarkan makna ungkapan yang diperolehi menurut maksud linguistiknya, mahupun daripada perspektif praanggapan yang mungkin lari jauh daripada yang dimaksudkan oleh penyairnya sendiri. Akan tetapi, selagi ayat dalam ungkapan puitik itu menggunakan unsur bahasa, selagi itulah fikiran yang dimahukan oleh penyairnya biasanya tidak tertinggal jauh daripada kebenaran yang asalnya jika pembaca atau penafsir juga daripada penutur natif bahasa yang sama. Selagi pendekatan yang digunakan untuk mencapai fikiran yang terkandung dalam puisi itu tidak melalui agakan semata-mata, selagi itulah pemikiran yang bertanggung ke atas beberapa fikiran yang tergabung di dalam puisi tersebut masih tetap dapat dihampiri apabila penafsir menganalisis puisi yang tersebut itu dengan menggunakan kaedah analisis kata yang berfungsi sebagai tanda.

## **PENDEKATAN**

Kita tidak seharusnya menjadi terlalu hiba dengan kemungkinan yang dimungkinkan, meskipun kebenaran tentang fikiran itu dicari melalui interpretasi tanda ke atas puisi yang dengan sendirinya berfungsi sebagai sejenis sistem tanda yang unik mengikut sifat genrenya sendiri. Jalan sentiasa



terbuka, dan falsafah sebagai alat penerokaan cukup meyakinkan pengkaji jika pendekatan yang digunakan menggunakan lunas semiotik yang menarik minat dan mempesonakan. Pesona semiotik tidak membenarkan pengkaji membuat ukuran yang tidak berarah, kerana tanda sentiasa dapat mengekalkan kesahihan keputusan yang dicapai. Peranan tanda dalam pembentukan persepsi pembaca sebenarnya terkongsi secara yang teriktiraf dalam konteks makna yang termungkinan dalam kefahaman pengguna tanda yang sama dalam budaya yang juga sama. Budaya sebagai sistem siratan tanda juga menyelaraskan pemikiran penutur penandanya, iaitu bahasa yang dikongsi secara bersama itu.

Konstituen bahasa menjadikan puisi sukar diterjemah, malahan melakukannya dengan sempurna boleh dikatakan mustahil, kerana dari segi ketepatan yang terkandung dalam nilai puisi paling dibezakan oleh bahasa. Ketepatan nilai budaya dalam puisi paling sukar dicapai melalui terjemahan ke bahasa yang lain. Sebaliknya, menafsir fikiran dan pemikiran yang terkandung dalam puisi boleh sahaja dimungkinkan, dengan syarat penafsir juga penutur natif bahasa yang sama.

Dalam puisi, tidak sangat dibezakan apabila kata “kuda” atau “kuda tunggangan” digunakan. Tekanan ke atas pernyataan atau kesangsian tidak diperluaskan oleh perbezaan kata tersebut. Ragam, suasana, kewangian, iluminasi dalam puisi, yang ditunjukkan oleh kaden atau nada dan ritma, tidak tergolong dalam fikiran pun.

Kebanyakan bahasa berfungsi untuk menolong pemahaman pembaca, seperti penekanan yang diberikan pada bahagian ayat oleh kehadiran aksen atau susunan-kata. Kata seperti “masih” dan “pun” sangat baik dijadikan contoh. Dengan ayat “Ali masih belum tiba” dapatlah dikatakan bahawa “Ali belum lagi tiba” dan, pada masa yang sama, memberi gambaran bahawa ketibaannya dijangkakan, tetapi itu hanya digambarkan sahaja. Tidaklah boleh dikatakan bahawa, oleh sebab ketibaan Ali tidak dijangkakan, maksud ayat dikatakan tidak benar. Kata “tetapi” berbeza daripada “dan” dari segi mengakrabkan bahawa apa yang berikutnya berkontras dengan yang dijangkakan daripada apa yang terdapat sebelumnya. Dalam bahasa, saran seperti ini tidak mendatangkan perbezaan kepada fikiran. Sesuatu ayat boleh sahaja ditransformasikan daripada datif kepada nominatif dan “memberi” kepada “menerima” apabila ayat tersebut mengalami transformasi pasif. Transformasi pasif yang sering menghadirkan ayat pasif dalam puisi sebenarnya tidak mendatangkan sentuhan pun kepada fikiran. Yang berbeza hanya penekanan. Walaupun ayat pasif sering digunakan dalam bentuk ujaran pasif atas sebab penekanan maksud, namun penekanan ini tidak

memberi pengaruh kepada perubahan fikiran. Yang menjadi penting bergantung pada tujuan seseorang penyair. Dari segi fikiran yang terlibat dengan apa yang dikatakan “cantik” dalam bahasa ialah kesamaan yang dianggap penting dalam bahasa.

## GAMBARAN FIKIRAN

Kandungan atau makna ayat boleh melepasi fikiran yang dinyatakannya. Tetapi, hal sebaliknya juga boleh berlaku, bahawa penggunaan kata sahaja dalam tulisan tidak akan menambah sesuatu kepada gambaran fikiran. Penggunaan “akan” boleh memberi dua maksud: pertama, untuk menyatakan tanda masa, kedua untuk menghapuskan sebarang kekangan kewaktuan, sehingga fikiran sentiasa bersifat abadi, seperti dalam ungkapan “Tuhan tetap mengetahui akan apa yang akan berlaku kepada dunia dan cakerawala” dan “Akan Dia, aku sentiasa melihat dan merasai kenikmatan”. Oleh sebab itu, waktu ujaran merupakan bahagian daripada gambaran fikiran. Kata “kini” sering digunakan dalam puisi untuk menggambarkan ukuran masa untuk maksud “sekarang ini”, atau “dulu” untuk maksud “sebelum sekarang ini”. Penggunaan kata yang dibezakan oleh waktu tidak membezakan fikiran, kecuali gambaran perbuatan atau tindakan untuk maksud yang tersebut sahaja, yang sebaliknya dapat menerima kesan perbezaan masa ujaran dalam bahasa puisi, dan ini boleh sahaja diubahsuai mengikut masa fikiran yang hendak dimaksudkan itu ditujukan atau dikaitkan.

Begitu jugalah dengan penggunaan frasa “di sini” dan “di sana” atau “di situ”. Penggunaan semata-mata “kata” dalam tulisan tidaklah merupakan fikiran yang sempurna, tetapi pengetahuan tentang beberapa keadaan atau syarat yang disertakan dalam ungkapan, yang digunakan sebagai alat penyampaian fikiran, diperlukan untuk pemahaman yang betul. Begitu jugalah penggunaan “aku” dalam puisi yang boleh mengandungi fikiran yang berbeza dalam ungkapan atau mulut penyair, yang terkadang-kadang ada yang benar, dan ada pula yang palsu. Apabila “aku” digunakan bagi “dirinya”, maka fikiran yang disangkutkan dengan maksud tersebut mengandungi kebenaran dari beberapa hal. Sebaliknya, jika “aku” yang digunakan dalam puisinya itu berkemungkinan menggambarkan maksud “bangsanya”, “manusia yang diciptakan oleh Tuhan” dan sebagainya, maka kebenaran tentang maksud kata “aku” itu telah diperbanyakkan, dan maksud ini menjadi palsu, jika maksud “dirinya” mahu ditandai dalam puisi yang diungkapkannya. Konteks boleh mengandaikan kepalsuan maksud asal kata dalam budaya bahasa semula jadi. Kepalsuan ini boleh disangkutkan dan

disebatikan dengan nilai kebenaran yang baharu apabila konteks membenarkan pemesongan maksud asalnya dalam fikiran pada aras dunia setelah bentuk ujaran dalam gabungan yang bersebuti perasaan dan proposisi itu diinterpretasi pada aras mimesis.

Seseorang yang masih lagi tidak tersentuh oleh falsafah mengetahui bahawa yang dikatakan “aku” dalam puisi itu mendapat maksudnya dalam hubungan dengan beberapa maksud yang lain tatkala kata “aku” itu sedang digunakan. Jika “aku” yang digunakan sebagai sebatang “pokok” yang sedang berkata-kata dengan pokok yang lain dalam hubungan yang mahu menggambarannya sebagai entiti [+ manusia] yang ada minda dan boleh bercakap-cakap, maka penafsir akan tersentuh untuk memberi maksud pokok yang diwakili oleh kata “aku” dalam dialog antara pokok dengan menganggap bahawa pokok juga boleh berkata-kata seperti manusia. Rujukan seperti ini sememangnya sering terdapat dalam puisi, yang dalamnya terdapat unsur personifikasi yang menyandarkan hubungan pokok dengan gelagat manusia, sesungguhnya falsafah kemanusiaan itu menjadi lebih bermakna apabila manusia sendiri tidak memahami sikap manusia, kecuali dalam konteks setelah pokok juga dianggap mempunyai perasaan yang menuntut keadilan dan pertimbangan manusia dalam kehidupan di muka bumi ini. Biasanya penyair menggunakan tanda yang terketepi daripada unsur yang memungkinkan sesuatu itu berfikir menjadi sesuatu yang boleh berfikir bagi digambarkan betapa bukan manusia sahaja yang berhak diberi hak kemanusiaan di muka bumi, tetapi juga benda yang bukan manusia turut mendapat pertimbangan daripada manusia tentang perlunya benda yang bukan manusia juga perlu hidup selesa, tenteram dan enggan menghadapi kematian dan kemusnahan. Benda bukan manusia juga harus dilayan dengan perasaan dan fikiran demi menjadikan manusia benar-benar bersifat mulia dan mempunyai ketinggian dari segi kemanusiaan jagat.

Malahan, orang yang bukan ahli falsafah pun akan mendapati perlunya untuk mengenal pasti dunia dalaman yang berbeza daripada dunia luaran, dunia yang penuh dengan gambaran-maksud, penuh dengan penciptaan imaginasi sendiri-sendiri, tentang peka-rasa, tentang perasaan dan suasana, dunia kecenderungan, kehendak dan keputusan. Dalam konteks puisi, kesemuanya tertakluk kepada makna kata “idea”, dengan keperluan untuk “keputusan” itu dikecualikan. Bagaimanakah “idea” itu boleh berbeza daripada keputusan, dan bagaimanakah pula berbeza daripada semua itu dari dunia luaran? Kedua-dua dunia ternyata dengan berulang-ulang kali dalam *Bahtera Madani*.

Pertama, idea tidak boleh dilihat atau disentuh, tidak boleh dihidu atau

dirasai, mahupun didengar. Sebagai contoh, apabila dilihat hutan hijau, diperoleh gambaran visual tentang hutan hijau itu sekali gus. Gambaran hanya didapati tetapi kelihatan.

Kedua, idea adalah karenah atau kelicikan. Seseorang mempunyai sensasi, perasaan, suasana, kecenderungan dan kehendak. Idea yang ada pada seseorang mempunyai makna atau kandungan kesedarannya. Hutan dengan jengkala di dalamnya, matahari yang menyinari di celah-celahnya tidak penting sama ada dilihat ataupun tidak, tetapi gambaran-maksud yang kita ada tentang kehijauannya wujud hanya kerana kita, dan kita menjadi pembawanya. Agak lucu juga kepada kita jika kesakitan, suasana, kehendak dan niat terpaksa merayau-rayau di sekeliling dunia tanpa pembawa dan bebas begitu sahaja. Pengalaman mustahil wujud tanpa orang yang mengalami atau penerima pengalaman. Dunia dalaman menyediakan praanggapan seseorang dalam dunia dalaman sendirinya itu.

Ketiga, idea memerlukan pembawa. Benda dalam dunia luar adalah sesungguhnya bebas. Oleh sebab itu, penyair pembawa idea daripada dunia yang bebas itu. Idea apakah yang dibawanya yang terdapat dalam puisi ciptaannya? Pembaca perlu melakukan penyaringan dan pemurnian dengan banyaknya melalui interpretasi tanda dalam puisi untuk mengetahui idea penyair yang ternyata dalam puisi ciptaannya.

## INTERPRETASI

Dua orang penafsir yang disedari sedang melihat sebuah kebun yang sama, tetapi masing-masing mempunyai gambaran maksud yang berbeza tentang “hijau” yang sama. Seorang pembaca melihat rambutan sebagai antara daun rambutan yang hijau. Rakannya pula tidak melihatnya kerana rabun-warna. Gambaran-warna yang diterimanya daripada pokok rambutan tidak pula begitu berbeza daripada seseorang lain yang menerimanya daripada daun rambutan itu. Dalam keadaan ini, adakah si rakan itu melihat daun hijau sebagai merah, atau adakah dia pernah melihat rambutan merah sebagai hijau, atau adakah dia melihat kedua-duanya sebagai satu warna yang si pembaca sendiri tidak biasa sama sekali?

Soalan ini tidak terjawab pun, malahan, sesungguhnya soalan yang karut. Sebab, apabila kata “merah” tidak menyatakan sifat sesuatu benda tetapi dijangkakan memberi sifat kepada gambaran-maksud pada kesedaran penulis, maka gambaran itu akan tergambar dalam sfera kesedaran pembaca. Sesungguhnya memang mustahil untuk dibandingkan gambaran-maksud pembaca dengan gambaran-maksud pembaca lain. Dalam hal yang demikian,

gambaran yang benar sebaik-baiknya dicapai dengan menyatukan gambaran-maksud tersebut dalam satu kesedaran daripada satu kesedaran dengan gambaran-maksud yang terdapat pada kesedaran yang lain.

Oleh sebab itu, sekiranya pun mungkin untuk kita menghasilkan idea yang hilang daripada satu kesedaran dan, pada masa yang sama, menghasilkan idea yang wujud pada kesedaran yang lain, masalah yang timbul ialah sama ada idea yang sama dalam kedua-dua kesedaran itu masih tinggal tidak berjawab juga. Jelaslah di sini bahawa, berdasarkan inti pati setiap idea pembaca yang semestinya menjadi kandungan kesedaran pembaca, maka idea pembaca lain pastinya berbeza daripada idea si pembaca tersebut.

Sebaliknya pula, kandungan idea daripada kesedaran kita mungkin mempunyai kandungan yang seiras, dengan syarat kesedaran yang terangkum secara menyeluruh itu berupa kepercayaan dan kebudayaan. Puisi yang dicipta oleh penyair daripada budaya dan kepercayaan yang sama boleh jadi berbeza pada aras interpretasi, tetapi perbezaan itu, jika pun mahu terjadi, tidaklah terlalu jauh. Hal ini demikian kerana, idea pada kesedaran penyair mempunyai korelasi yang erat dengan kesedaran penafsir daripada budaya yang sama itu. Idea yang tercantum dapat menghasilkan gabungan kandungan kesedaran yang menghasilkan mesej. Idea daripada mesej tersebut sentiasa berada dalam ikatan maksud yang menjalin idea tersebut dalam wacana yang utuh. Berasaskan keutuhan wacana inilah, maka kandungan interpretasi yang dilakukan oleh seseorang penafsir atau pembaca tidak akan terlepas jauh daripada gabungan idea yang dimahukan oleh penyairnya. Atas hakikat inilah, maka tafsiran yang dibuat ke atas tanda yang digunakan dalam rangkaian semantik yang kukuh akan berupaya menghidu bau idea penyairnya dengan begitu hampir, malahan dalam keadaan yang sangat tertawan dengan sesuatu yang mahu dijelmakan oleh penyair melalui idea pada aras kesedaran asalnya.

Apabila seseorang penyair menuntut adanya ideanya dalam puisi ciptaannya, apakah dapat kita pertahankan bahawa penyair tersebut pembawa idea dalam puisi itu? Sesuai dengan puisi sebagai wacana dengan sifat yang penuh dengan nilai kreativiti yang dicirikan oleh sentuhan perasaan dan minda, sesuai pula dengan kemampuan pemahaman manusia yang terhad, seseorang tidak dapat meletakkan kemungkinan yang dicapai oleh penafsir sebagai sesuatu yang perlu dituntut, supaya kebenaran atau kepalsuannya harus disangkal seberat-beratnya.

Tatkala kita memegang daun kemboja yang “hijau”, sukar sekali untuk kita membandingkan idea orang lain tentang daun hijau yang dipegang oleh penulis itu. Apabila penulis memetik daun kemboja, dan memegangnya di celah jari, tidak akan ada orang lain yang dapat mengetahui idea penulis,

tetapi kebanyakan orang yang melihatnya dapat melihat benda yang sama. Tidak akan ada orang lain yang mengetahui kesakitan yang dialami penulis. Mereka boleh merasa belas kepada penulis, tetapi kesakitan tetap milik penulis sahaja, semacam juga perasaan belas itu kepada dirinya sendiri. Dia tidak akan merasai kesakitan penulis, dan penulis juga tidak mempunyai perasaan belasnya (orang lain itu) terhadap diri penulis.

Demikian jugalah halnya perasaan yang dicurahkan oleh penyair dalam bentuk idea dalam puisinya, tetapi perasaan boleh dirasai sahaja oleh penafsir tetapi tidak mengalaminya. Pengalaman penyair seperti inilah yang biasanya mahu ditunjukkan oleh pembaca atau penafsir, walaupun dia tidak mengalaminya. Pengalaman yang dirasai oleh penafsir akan berpaling ke arah yang mahu menuju kepada titik kesedaran dengan kandungan idea penyair itu sehampir yang mungkin, dan inilah yang menjadi tugas penafsir untuk menggambarannya serasa yang dialami oleh penyair. Itu pun hendaklah mengikut kadar kemampuan penafsir, mengikut pengetahuan ensiklopediknya, selain mengikut kepercayaan yang dimiliki secara bersama dengan penyair sebagai pencipta asal karya puitik.

Keempat: setiap idea mempunyai seorang pembawa. Tidak akan ada dua orang yang membawa idea yang sama. Sekiranya tidak demikian, idea akan wujud bebas daripada manusia. Seseorang boleh dikatakan tidak mempunyai idea, kerana idea boleh wujud tanpa pembawa. Apabila seseorang melihat langit, apakah “langit” itu ideanya? Apabila seseorang itu melihat langit, dia sebenarnya sudah dilibatkan dengan kehadiran gambaran maksud untuknya merujuk kepada apa yang dia lihat dan apa yang dilihat oleh orang lain juga. Akan tetapi, idea yang terhasil daripada penglihatannya tidak semestinya serupa dengan idea yang terhasil daripada penglihatan orang lain. Kebenaran ini wujud dalam puisi, apabila tanda, seperti indeksikal berbentuk kata atau frasa, yang sama boleh menghasilkan gambaran-maksud yang berbeza daripada idea yang tidak serupa.

Kemungkinan yang mewujudkan perbezaan seperti ini ada dua. Sekiranya niat penyair direalisasikan apabila dia merujuk kepada sesuatu dengan ungkapan “langit biru”, fikiran yang digambarkan dalam ayat “langit biru itu ialah idea saya” semestinya dinafikan. Tetapi, jika niat penyair tidak direalisasikan, jika dia hanya berfikir bahawa dia melihat tanpa sebenarnya melakukan penglihatan, dengan erti kata “langit biru itu” kosong, maka dia telah sebenarnya masuk ke alam rekaan. Di sinilah secara semula jadi idea penyair timbul tetapi bukan dalam rujukan dengan kata “langit biru itu”. Sekarang, orang lain seperti pembaca mungkin mahu sebenar-benarnya merujuk kepada salah satu daripada ideanya dengan kata “langit biru itu”.

Pada waktu itu dia harus menjadi pembawa idea yang dia mahu rujuk dengan menggunakan kata tersebut, tetapi dia tidak harus melihat “langit biru itu” dan orang yang lain juga tidak harus melihatnya atau menjadi pembawanya sahaja. Dengan kata lain, pembaca boleh menjadi pembawa idea daripada idea penyair yang timbul daripada keadaan yang dia sendiri tidak melihatnya, dan yang penyairnya sendiri juga tidak melihatnya. Melalui rekaan penyair, pembaca dibolehkan menjadi pembawa idea kepada puisi yang ditafsirkan gabungan idea yang membentuk mesejnya.

### **ADAKAH FIKIRAN ITU IDEA?**

Terdapat persoalan yang sering mengelirukan pembaca: adakah suatu fikiran itu suatu idea? Jika fikiran yang digambarkan dalam teorem Pythagoras dapat dikenal pasti oleh orang lain sebanyak yang saya ketahui, maka fikiran ini tidak tergolong kepada kandungan kesedaran saya, dan saya bukan pembawanya. Dalam pada itu pun, penulis boleh mengenal pastinya dengan begitu benar. Sebaliknya, jika idea itu bukan fikiran yang sama sekali serupa yang dianggap dapat menjadi kandungan teorem Pythagoras oleh penulis dan oleh orang lain, maka seseorang tidak boleh mengatakannya “teorem Pythagoras” tetapi “teorem Pythagoras penulis”, dan ini akan menjadi berbeza kerana maksud tergolong seperlunya kepada ayat. Pada ketika ini, fikiran penulis menjadi kandungan kesedaran penulis. Kewujudan fikiran yang ditentukan oleh kandungan kesedaran seseorang ini boleh menghasilkan gambaran-maksud yang benar dan palsu daripada seorang kepada seorang yang lain. Oleh sebab itu, kata “benar” dan “palsu” dapat sahaja diterapkan dalam sfera kesedaran seseorang. Oleh yang demikian, “kebenaran” hanya terhad kepada kandungan kesedaran seseorang, dan akan kekal dalam sifatnya yang diragukan dari segi sama ada segala sesuatu yang dibandingkan terjadi dalam kesedaran seseorang.

Jika setiap fikiran memerlukan pembawa, kepada kandungan yang dipunyai oleh sesuatu kesedaran, maka fikiran itu akan menjadi fikiran pembawanya dengan keadaan tidak hadirnya sains yang lazim kepada kebanyakan orang, yang ke atasnya ramai orang yang boleh menyelidikinya. Sebaliknya, setiap orang mempunyai sains, iaitulah, suatu keseluruhan fikiran dengan seseorang sebagai pembawanya, dan orang lain mempunyai fikiran sendiri-sendiri yang lain.

Jika seseorang menganggap fikiran sebagai idea, apa yang dia akan kenal pasti sebagai benar ialah kandungan kesedaran pada pandangannya, dan ini tidak ada kena-mengena dengan orang lain. Jika seseorang yang lain mahu mendengar daripadanya pandangannya bahawa sesuatu fikiran

itu bukan idea, dia tidak harus mempertikaikannya, kerana waktu itu dia telah sesungguhnya terlibat.

## FIKIRAN BUKANLAH OBJEK ATAU IDEA DUNIA LUAR

Sesungguhnya ada dunia atau alam ketiga yang perlu dikenal pasti. Yang tergolong kepadanya adalah serupa dengan idea, bahawa alam ketiga tidak boleh diterima sebagai maksud, tetapi dengan benda, dari segi bahawa alam ketiga itu tidak memerlukan pembawa kepada kandungan yang dipunyai oleh kesedaran. Setiap fikiran yang terkandung dalam sesebuah teori misalnya tidak memerlukan pembawa. Fikiran yang terkandung dalam sesebuah puisi tidak mempunyai pembawa tetapi saling berhubungan dengan idea lain dalam domain yang sama. Misalnya, dalam puisi *Onomatopeia*, (hlm. 41) A. Aziz Deraman (AAD) membuat pendedahan tentang pengalaman yang dialami manusia dalam sebuah negara merdeka. Dalam keriang dan sorak-sorai rakyat menyambut ulang tahun kemerdekaan, masih terdapat lagi “anak-anak yang belum dapat makan pagi, dengan bapanya tak berhenti-henti mengerang memohon doa Ilahi melalui zikir”. Demikian pengalaman ini diungkapkan pada stanza keempat bahagian kedua puisi tersebut:

*suara ramai malam hari  
hilai ketawa gelekek rata-rata kota  
ada suara siang di hujung negeri  
uar-uar, menguar, soksek-soksek, yoya-yoya  
ada anak belum makan pagi  
Allah Ya Allah Ya Allah  
mengerang bapa desa dalam zikrullah*

Indeksikal “suara siang” dapat sahaja dikaitkan dengan indeksikal “ada anak belum makan pagi” dan “mengerang bapa desa dalam zikrullah” dalam konteks “siang” sebagai ruang dan masa manusia berada dalam kesibukan mencari rezeki, dan apabila dikaitkan suasana “di kota”, kesibukan itu melambangkan gelagat manusia yang berebut-rebut mencari kesenangan, walaupun tidak kekayaan. Pengalaman ini secara automatik menggambarkan fikiran tentang keadaan yang tidak disangka-sangka terjadi telah pun terjadi, sedangkan kemerdekaan sentiasa menjanjikan kebahagiaan dan kesenangan manusia dalam kehidupan sehari-hari. Idea ini dinyatakan dengan jelas oleh AAD pada stanza kelima yang berbunyi:

*berdegum, degum-degam*



Salah satu fungsi bunyi dalam kehidupan orang Melayu ialah menyamakan peranan bunyi itu dengan tingkah laku manusia dalam peristiwa lucu, tetapi dengan maksud yang tidak lucu, kadang-kadang boleh jadi sangat serius dan berat. Di manakah kebenaran fikiran yang terbawa tanpa pembawanya dalam puisi? Penyair bukan pembawa fikiran, kerana kehadirannya kosong dalam wacana kreatif yang dibinanya. Akan tetapi, setiap yang menjadi unsur binaan dalam wacana tersebut tetap bermakna, kerana, jika tidak, puisi boleh dimungkinkan tidak dibentuk oleh bahasa. Sesungguhnya tetap ada makna yang dibawa oleh kata, sekalipun diwakili oleh bunyi yang tidak membentuk kata (entiti leksikal). Dalam konteks ini, unsur ini dapat sahaja kita anggap sebagai suatu unsur permainan bahasa.

Dalam permainan bahasa, ada bunyi yang tidak bermakna tetapi berfungsi untuk menyediakan kecenderungan tentang tingkah laku, sikap, perasaan, niat dan kognisi manusia apabila ada di celah-celah bentuk yang bukan kata itu beberapa lexis yang ada kandungan semantiknyanya tatkala digunakan dengan bentuk lain dalam bahasa lisan. Inilah yang dikatakan bahawa yang tidak benar itu pada permulaannya akan menjadi benar apabila fikiran yang tersangkut pada kata benar (leksis dengan fitur semantiknyanya) itu berinteraksi dengan kata-gabungan bunyi dan suku yang tidak benar sebagai kata dalam bahasa.

Dalam puisi di atas, indeksikal yang bergaris itu merupakan kata kunci yang mempengaruhi penyediaan maksud kepada puisi. Kata seperti “tiru”, “anjing”, “canang”, “jatuh bingung”, “jatuh ke lubang” dan “kelentongan diketuk” berperanan untuk mengeraskan konotasi emotif apabila dikaitkan dengan sikap manusia dalam kehidupan masyarakat. Perangai manusia yang rendah moralnya menjadi junjungan yang membentuk fikiran yang harus disadari akan bahaya kehadiran sikap seperti itu dalam kehidupan masyarakat yang memperjuangkan keharmonian sebagai asas yang membentuk manusia dengan moral. AAD mendedahkan sikap manusia yang tidak bermoral itu agar selalu diintip dan diawasi, kerana sikap seperti itu mungkin mempengaruhi nasib nusa dan bangsa.

Sikap manusia yang suka meniru dan mencanang biasanya berakhir dengan kebingungan dan kehancuran, kerana manusia yang suka berbohong (berkelentongan) akan terketahui juga sebagai “anjing” yang hanya pandai menggonggong tulang yang diketipnya dari sampah saraf yang busuk dan hanyir itu. Apabila orang Melayu yang hanya pandai mencipta “meriam buluh gertak sambal” hilang kuasa, yang tinggal hanya bunyi dan dekahan yang tidak lagi bermakna untuk bangsanya. Melalakah sekuat mana pun, nasib yang tinggal hanya:

*Tung Tung tabir malam berlabuh turun  
tirai malam pun perlahan tiba, tung  
menutupi segenap penjuru angkasa  
tung tung nasib nusa dan bangsa  
tung-tung tung ...*

Indeksikal “tabir malam” yang dikaitkan dengan konotasi “sejenis permulaan yang gelap” pun bermula “berlabuh turun” yang apabila dikaitkan dengan konotasi “tabir” itu boleh menghidupkan maksud “menyebabkan tertutupnya kehidupan di bumi”. Pada saat itu, kesenangan pun meninggalkan anak bangsa “tirai malam pun perlahan tiba” tanpa lagi tempat untuk bernafas “menutupi segenap penjuru angkasa”, lalu akhirnya merempatlah orang Melayu di negara sendiri sampai bila-bila “tung-tung tung...”.

AAD mempunyai kelebihan dalam menggunakan fungsi bunyi untuk menimbulkan kesan deria-motor ke atas falsafah yang didasari fikiran pada aras kesedaran supaya anak bangsa yang ditujukannya itu sentiasa berhati-hati dalam kehidupan yang mencabar ini. Di sinilah letaknya kehadiran kesan fungsi irama onomatopeia yang, meskipun tidak mempunyai kandungan semantikanya, tetapi dapat mengekalkan kesan rasa dan semantik deriaan yang diwujudkan oleh intuisi fungsian yang masih dapat dipertahankan kesahihan tafsir budayanya dalam kalangan penyair dan pembaca daripada penutur natif bahasa Melayu yang digunakan dalam puisi AAD itu.

Setiap unsur utama (yang memberi sumbangan kepada idea) yang menjadi objek kesedaran digunakan oleh AAD sebagai tanda dalam puisinya supaya berada dalam kesediaan menggambarkan dunia dalamannya, bukannya seluruh persekitaran, yang melaluinya dia merangsang sesuatu untuk mengemukakan sesuatu sebagai unsur fikiran dalam hubungan dengan unsur lain daripada fikiran lain dalam wacana. Setiap idea yang terkandung dalam puisinya adalah termungkinkan daripada persepsi pembaca atau penafsir untuk merasai kesedaran yang sama, sekalipun tidak sama sepertinya. Dalam *Sembilan* (hlm. enam dan tujuh), beliau menggunakan angka sebagai tanda perkiraan untuk membaca perhitungan manusia, bahawasanya jika kuasa dan nikmat Ilahi mahu dipelajari, haruslah bermula dari angka “satu” atau “alif” hingga ke akhir yang dilambangi dengan “nombor 9”, sebagaimana yang ditafsirkan oleh indeksikal:

*bahkan kalikan ribu  
pun 9 muncul di situ  
hingga tidak terkira  
sampai tidak terhingga*

*rupanya nikmat kepada kita  
untuk kita baca semua dari-Nya  
adalah dari asma-ul-husna*

Malahan, biar setelah selesai ke perkiraan akhir sekalipun, nikmat dan ilmu Allah yang mampu diketahui manusia rupa-rupanya belum sebesar “debu” lagi, sebagaimana yang tergarap daripada indeksikal yang memper-talikan maklumat yang terdahulu pada aras interpretasi:

*Kini dari angka  
kita kenali satu akan cintai benar  
kita hitung sembilan angka terbesar  
melempi sepuluh gagasan bersinar  
arah ke mana yang mahu kita tuju  
sungguh hebatnya ilmu  
rupanya belum sebesar debu  
bagi kita masuk ke alaf baru  
adalah hak Allah Yang Satu*

Indeksikal “rupanya belum sebesar debu” didapati paling berkuasa untuk menyelubungi makna yang lain dalam konteks penyataan nilai ketuhanan yang Maha Esa. Dalam konteks tersebut, angka “satu” mengikat idea keseluruhan yang tidak terkira dan tidak mampu dibayangi oleh minda manusia untuk gambaran tentang konsep keistimewaan yang tidak ada pada mana-mana makhluk pun. Segala-galanya terungkap dalam satu satuan nilai dan kebenaran yang tidak menyamai mana-mana nilai maknawi daripada konsep manusia sebagai makhluk. Keistimewaan inilah yang dilambangkan melalui tanda nombor “satu” pada aras interpretasi tanda dalam konteks sistem tanda yang digunakan oleh AAD dalam puisi *Sembilan* itu. Daripada keistimewaan yang “satu” inilah maka seluruh ilmu manusia tidak sebanyak mana, malahan tidak ke mana pun jika dibandingkan dengan ilmu Allah taala, seandainya paling banyak pun, masih belum “sebesar debu” lagi.

Sekumpulan idea dalam puisi tersebut berjaya mencetuskan fikiran pada aras kesedaran yang mahu dikaitkan oleh penyair supaya mengisi kesedaran pembaca tentang kebesaran Ilahi, yang kalau mahu dibilang dan dinilai melalui perkalian angka sekalipun, tetap tidak mampu dibayangi oleh minda manusia. Pemikiran yang mendasari fikiran itu tentunya tidak ternyata dalam puisi tersebut yang dapat diterjemahkan daripada struktur permukaannya. Pemahaman yang diterjemahkan oleh persepsi pembaca akan melahirkan “pemikiran” yang cuba dibangunkan oleh penyair. Penulis

yang juga pembaca, mendapati bahawa sejenis amaran disediakan untuk manusia menyedari bahawa hakikat mereka tidak boleh terlepas daripada tuntutan Ilahi, kerana yang ada pada mereka, segalanya berasal daripada keredaan Ilahi jua; dan sesungguhnya manusia jangan sekali-kali mengatakan bahawa mereka cukup berilmu dalam kehidupan di dunia ini. Seandainya fikiran yang terlahir daripada proses deria-motor penulis dianggap tidak benar, sesuatu yang dianggap benar pun tidak dapat terlepas daripada kaitan untuk menghubungkan pembentukan kesedaran manusia supaya difikirkan sebagai tergambar untuk berada dalam kaitan dengan ilmu Ilahi.

Fikiran pembaca memang tidak sama dengan fikiran asal penyairnya dalam puisi ciptaannya. Tesis tentang idea kita sama ada merupakan objek kesedaran kita yang tidak benar, atau pengetahuan dan persepsi kita yang terhad kepada julat idea kita sahaja, pada paras kesedaran kita, dengan sendirinya membuktikan dunia dalaman kita. Dalam kebenaran ini, kita tidak harus mengambil tahu tentang dunia orang lain. Jika kita berkecenderungan untuk mengambil tahu dunia dalaman orang lain, usaha kita untuk melihat pemikiran penyair yang terkandung dalam puisi ciptaannya akan menjadi tidak selesai.

Apabila AAD meminta kita “menoleh ke belakang ke daratan nusa, bukan lagi tentang nista hina” termasuk kejadian yang telah merosakkan bangsa seperti bohsia, perbuatan membuang zuriat di merata tempat dan sebagainya, tidaklah sekadar mahu melupakannya, tetapi mengambil iktibar dan sempadan yang positif di sebaliknya. Hal ini demikian kerana ungkapan yang mengakhiri stanza kedua berbunyi:

*bukan tidak terjaga*

Tafsiran penulis boleh jadi silap kalau dikatakan bahawa AAD sebenarnya mendirikan pertentangan vertikal yang sangat berat kepada ibu bapa yang dipersalahkan kerana tidak bertanggungjawab terhadap pendidikan anak mereka sehingga gejala sosial kian menjadi-jadi di luar kawalan. Tafsiran yang benar juga belum tentu benar kalau fikiran yang dibayangi oleh penulis itu berlainan daripada fikiran yang mahu dikemukakan oleh AAD dalam puisi yang berjudul *Bahtera Madani*, (hlm. 57) iaitu judul antologinya. Persepsi yang dapat ditubuhkan oleh sistem tanda yang bermain di permukaan puisi tersebut tetap tidak dapat mengelak daripada menyediakan perkaitan sebab-musabab AAD mengakhiri stanza dengan ujaran “bukan tidak terjaga” setelah perbuatan keji anak bangsa disenaraikan sebagai maklumat yang hadir sebelumnya dalam stanza yang sama. Interpretasi tanda tidak

membenarkan bayangan maksud buruk yang menjadi kesan perbuatan tersalah-didik dibiarkan terlepas begitu sahaja. Tidak ada sebab seseorang penyair menyatakan sesuatu tanpa didahului oleh niat untuk menyampaikan sesuatu dan sebab pendorong di sebalik perbuatan buruk yang menjadi fenomena sosial yang hampir-hampir lazim itu. Penafsir dibenarkan melebarkan ruang interpretasi sebeb yang diizinkan oleh sains tanda dalam wacana, tetapi hakikat bahasa tetap memelihara keakraban makna kata dengan makna kata yang lain dalam struktur. Keakraban semantik yang meletakkan kata yang sentiasa berada dalam keadaan bersaing atau berurutan secara berdekatan tidak mengizinkan maksud ikatannya tertinggal jauh daripada makna kata yang membentuknya. Oleh sebab itu, hasil tafsiran yang bijaksana ke atas struktur permukaan puisi biasanya sangat dekat antara yang berupa maksud penyair dengan yang berupa praanggapan penafsir pada aras interpretasi.

Pengalaman penyair yang melihat gejala sosial tergambar sebagai negatif merupakan kebenaran fenomena sosial dari kaca mata penyair. Kebenaran ini hanya berupa kebenaran idea yang terkandung dalam fenomena sosial tetapi masih belum menjadi tangkapan fikiran sehingga terjelmanya interpretan daripada struktur ujaran “bukan tidak terjaga” yang menyimpul wujudnya suatu permulaan yang menandai timbulnya tangkapan fikiran yang tidak lain adalah signifikan pertama puisi tersebut.

Dalam sebuah negara kebahagiaan yang dilambangi “bahtera madani” itu tidak semudah dicapai, malahan boleh gagal, seandainya kebahagiaan itu tidak dianggap sesungguhnya anugerah rahmat yang tidak terhingga dari Allah taala. Anugerah ini tidak sepatutnya dianggap hadiah yang datang bergolek, malahan seharusnya lahir sebagai kesan usaha yang gigih dalam sifatnya seperti yang berikut:

*Nakhoda tahu menghormati dan terhormat  
mencari sepakat kebaikan memohon rahmat  
bila makmur dagang dari segala usaha  
tahu pula kaedah mengagih harta  
bila tergoyah nilai terpuji  
tidak lupakan budaya menyayangi seni  
tidak memupuk apa yang keji*

Peranan ketua negara diletakkan oleh penyair pada perspektif yang tinggi dan utama semacam para ilmuwan itu diletaknya pada puncak terhormat kerana ilmunya:

*terhormat ilmuwan kerana ilmunya*

*terjaga alam kerana khalifahnyanya  
terbina negara kerana ketuannya*

Persepsi pembaca tentang konsep dan nilai “terhormat” itu merupakan idea yang didirikan atas asas yang diterjemahkan pada struktur ungkapan di atas. Antara struktur ujaran yang paling kukuh sengan semantik dan pragmatiknya pada sentuhan minda ialah ungkapan “tahu pula kaedah mengagih harta” yang dikaitkan dengan kesayangan masyarakat terhadap budaya, iaitulah maksud yang terkandung dalam ungkapan “tidak lupakan budaya menyayangi seni”. Seandainya semua itu idea tentang harus cara mana sebuah “bahtera” yang berfungsi sebagai tanda untuk “negara” menjadi bahagia dan sempurna yang berfungsi sebagai tanda untuk “kebahagiaan” atau “keharmonian”, di manakah letaknya titik permulaan untuk fikiran pertama kali ditangkap. Titik permulaan untuk gambaran fikiran yang menjadi sebab penyair menulis puisinya itu ialah pada gambaran yang ditimbulkan oleh struktur:

*tahu pula kaedah mengagih harta dan  
tidak lupakan budaya menyayangi seni*

Ungkapan “kaedah mengagih harta” sudah dibimbangi sekarang, ketika kegiatan ekonomi anak bangsa dibiarkan bebas bersaing dengan orang yang sudah kian mahir dalam bidang perniagaan dan perdagangan. Cara ini bukan kaedah yang dipersetujui oleh penyair untuk mengagihkan harta negara, kerana akibatnya akan tetap menjadi agihan yang tidak adil, dengan anak bangsa sentiasa tertinggal dalam keadaan yang serba kekurangan. Bukan itu sahaja, budaya bangsa pun nampaknya seperti tidak mahu dihormati lagi. Kecenderungan yang tidak sihat inilah yang menjadi asas yang membina fikiran penyair dalam puisi di atas. Dalam keadaan budaya mahu dilupakan, agihan pendapatan daripada kegiatan ekonomi yang tidak seimbang boleh menyebabkan bahaya yang tidak diingini. Bahaya inilah yang menjadi fokus pemikiran penyair.

Dari segi kebenaran, kehadirannya memang belum wujud lagi, tetapi kecenderungan yang ditakuti itu boleh menjadi kebenaran yang wujud pada aras perasaan dan pemikiran anak bangsa. Kebenaran yang berupa ketakutan pada perasaan dan minda anak bangsa menjadi tunjang pemikiran puisi *Bahtera Madani*. Walaupun ketakutan ini masih dapat ditangkis, anak bangsa yang menerima kekurangan juga yang diletakkan tanggungjawab untuk terus menghadapinya dengan tabah, sebagaimana yang termaksud daripada ungkapan stanza kelima yang berikut ini:

*Dari satu pelayaran ke pelayaran meminta  
kita bijak mengharungi gelombang  
tahu mengelak ribut taufan  
tahu bertindak menyahut cabaran  
sekalipun gunung ujian meletup di tengah lautan  
tujuan akhir memegang saadah kehidupan  
tidak berduka ketika musuh merenggut rasa*

Orang Melayu masih “tidak berduka” walaupun musuh tidak henti-henti merenggut perasaan mereka, iaitu anak peribumi di tanah air sendiri. Dari segi psikologi, gambaran ini bertindak semacam kesan yang menimpa bangsa Melayu. Dari segi petanda yang ditunjukkan oleh penyair, kerana sifatnya yang suka menggunakan psikologi kata secara halus dan seni, kebenaran yang wujud pada aras perasaan dan minda orang Melayu sebenarnya sudah cukup bergelegak, dan perlulah panas gelegak ini didinginkan dengan cara:

*kitalah khalifah yang diberi kuasa  
mencorak warna mentafsir dunia  
kita yang mengaku makhluk Maha Pencipta  
azam diri jadi insan sempurna  
tidak rosak persada nusa*

Dari segi hakikat jiwa yang dimiliki oleh penyair, idea yang dikemukakan dalam puisi di atas mahu membawa pembaca ke tahap memahami nasib orang Melayu supaya menyedari hakikat malang yang telah menimpa bangsanya sendiri.

## **PERTENTANGAN**

Dalam puisi, fikiran sering diumumkan dalam konteks yang digerakkan oleh nilai pertentangan. Nilai pertentangan sering berfungsi sebagai tanda yang melepaskan masalah yang dihadapi dengan penyelesaian yang secara automatik dianggap telah diatasi. Di sinilah tempat berlabuhnya fikiran yang ditanggap oleh pembaca atau penafsir, dengan anggapan bahawa itulah kebenaran yang mahu dinyatakan oleh penyair dalam puisinya itu. Gambaran fikiran yang dianggap penyelesaian yang telah diatasi itu berupa maksud yang terbawa dalam sturktur yang berikut:

*Sekali belayar kita tetap belayar  
segala adat lembaga ikut bersama*

.....

*setelah menyaksikan kekayaan mengalir  
di tangan manusia yang segelintir  
maka kita yang tidak boleh berdiam sahaja  
kerahkan tenaga buka semua mulut bersuara  
setinggi gelombang dan sebesar mana pun taufan  
layarkan bahtera merempuhnya dalam ketaatan  
bukan dalam ketaatan buta  
atas kecurangan seorang raja  
buktikan ketaatan waja hanya kepada kebenaran suara  
baru jurang luas kita rapatkan bersama  
bukankah bahtera kita miliki keistimewaan bangsa  
satu-satunya berpegang  
    raja adil raja disembah  
    raja zalim raja disanggah*

Struktur imperatif “kerahkan tenaga buka semua mulut bersuara” jelas berfungsi sebagai kunci kebenaran yang mahu dibuktikan oleh anak bangsa dalam usaha menangani “kekayaan segelintir”. Konotasi ungkapan tersebut jelas dilihat berkoherensi dengan pertentangan yang dimajukan oleh idea dalam ungkapan yang berikut:

*bukan dalam ketaatan buta  
atas kecurangan seorang raja*

Supaya raja sebagai “ibu” pemerintahan pun sepatutnya ditentang, seandainya ibu ini bersikap curang, dalam konteks menggunakan kekayaan segelintir untuk menyesaknafaskan kehidupan orang Melayu dalam negara yang sudah merdeka ini. Memang terdapat raja yang curang kepada bangsanya apabila kekayaan hutan negeri diberikan hak untuk diterokai oleh bangsa lain sehingga bangsa Melayu merempat. Raja zalim seperti inilah yang harus ditentang habis-habisan, sebagaimana yang termaksud dalam struktur:

*raja zalim raja disanggah*

Pertentangan tidak harus runtuh pada kegagalan kita membaca dunia pembaca atau penafsir lain. Ahli sains yang berbeza pendapat pun boleh menyediakan pertentangan maklumat pada perumusannya. Sebaliknya pula, semua sarjana sains tetap tidak melakukan andaian terhadap sesuatu; semua benda yang dia lihat dan sentuh tetap melahirkan idea. Manakala dalam ilmu kesusasteraan dan semiotik, anggapan dibenarkan, tetapi data tempat anggapan mendapat rupa dan warna tetap sama. Justeru, pertentangan idea dibenarkan terus berlaku. Selagi alat yang digunakan bersifat saintifik,



sekalipun ada gangguan interpretasi yang mengasari keobjektifan keputusan, keanjalan seperti inilah yang menjadi sifat karya kreatif dianggap ciptaan “terbuka”, mahupun “tertutup” itu.

Dunia kreativiti percaya bahawa sesuatu dapat menggerakkan saraf, dan dengan cara ini, menghasilkan gambaran-maksud. Hal ini kita alami pada penghujung proses yang terlunjur dalam kesedaran kita. Manusia tidak boleh menghina atau merendah-rendahkan asas pembentukan sendiri. Apakah setiap pembentukan sendiri itu idea? Akan tetapi, sesuatu yang kita lihat tetap memberi gambaran. Inilah yang dikatakan idea kita. Penyair juga melihat banyak benda dan peristiwa dalam kehidupannya, dan apabila gambaran visualnya itu dipaparkan dalam puisi, tentulah gambarannya terhadap benda tersebut membentuk ideanya. Bagaimana dengan idea baru yang diwujudkan dalam puisi, adakah itu juga idea? Apakah penyair sendiri pembawanya? Seandainya segala-galanya idea, maka idea tidak semestinya mempunyai pembawa. Kalau sesuatu benda dan pengalaman itu disaksikan oleh penyair, penyair hanya ada idea tentang benda dan pengalaman tersebut. Akan tetapi, apakah setiap pengalaman dan benda itu idea, sekalipun tidak disaksikan oleh seseorang? Di sinilah daerah manusia mengalami perubahan dalam bentuk pertentangan. Seandainya pula tidak ada pembawa, idea tentunya tidak wujud, kerana tanpa pembawa idea tidak wujud. Tanpa pemimpin, rakyat yang dipimpin juga tidak wujud. Pergantungan akan terhapus sekiranya tidak ada lagi pembawa. Oleh sebab itu, idea tidak lain adalah objek bebas, yakni tidak saling bergantung.

Sebaliknya pula, bolehkah pengalaman wujud tanpa ada orang yang mengalaminya? Bolehkah ada kesakitan tanpa ada seseorang yang mengalami kesakitan? Seseengah idea yang berada dalam kesedaran harus sahaja dikaitkan dengan orang yang mempunyai idea tentangnya. Manusia mempunyai idea tentang dirinya sendiri, tetapi dia sendiri tidak serupa dengan idea tentangnya. Idea yang dikatakan kandungan kesedaran seseorang itu, iaitu ideanya, haruslah dibezakan daripada yang dikatakan objek fikirannya. Oleh sebab itu, tesis yang mengatakan bahawa yang dipunyai oleh kandungan kesedaran dapat menjadi objek kesedaran tersebut, iaitu fikirannya, tentulah tidak benar. Idea dan hubungannya dengan fikiran seperti inilah yang wujud dalam puisi. Dalam hal ini gabungan beberapa idea yang membentuk fikiran tertentu itu menjadi milik pembaca dan penafsir.

Sebagai contoh, jika penulis mengatakan bahawa dengan ungkapan di bawah ini:

*Nakhoda bahtera kekal faham  
adat dan tradisi pengembaraan*

*selok-beloknya bukan sekadar pelayar  
tapi tahu makna diri, madani yang terpancar  
akan menjaga amanah dalam tatasusila  
hikmah para pujangga  
kemudinya keadilan kehidupan insan  
memaknakan layar-temayar ilmu dan kemajuan*

Penyairnya mahu menyatakan bahawa dalam perjuangan mencari kebahagiaan hidup dalam sebuah negara harus wujud keunggulan yang mematuhi nilai hormat dan sejarah budaya bangsa asal. Idea ini boleh sahaja dikatakan tidak benar, tetapi tetap menjadi idea hak asli penyair yang mesti dihormati di sisi pembaca, meskipun boleh jadi tidak benar jika dipadankan dengan idea atau fikiran asal penyairnya sendiri.

## **PENANDAAN KEMANUSIAAN**

Dengan erti kata yang lain, fikiran yang ditanggapi daripada idea penyairnya sendiri boleh jadi bukan fikiran penyair itu. Sebaliknya, fikiran dalam sebuah puisi boleh sahaja menjadi fikiran yang ditanggapi oleh pembaca atau penafsir, meskipun fikiran itu dicapai daripada penanggapan terhadap idea yang dinyatakan dalam puisi penyair yang sama. Gambaran inilah yang ditunjukkan dalam tafsiran tanda yang dilakukan oleh penafsir semasa mengkaji genre puitik dari segi peranan tanda dan penandaan dalam usaha mencapai maksud atau “mesej” puisi seseorang penyair.

Sebagai contoh, penulis merumuskan fikiran yang terungkap dalam puisi yang berjudul *Wahai Anak Kosova* (hlm. 14). Puisi ini mengandungi beberapa idea seperti (a) keganasan Serbia membunuh penghuni Kosovo dengan kejam terhadap manusia daripada bangsa sendiri, (b) simpati penyair terhadap perjuangan yang dilabelnya suci (c) permintaan penyair supaya anak etnik Albania merenung semula kejatuhan keagungan Uthmaniah yang kian menjadi trauma silam, (d) pertanyaan dengan penuh harapan agar penderitaan etnik Albania yang dialami itu dibela demi mengubah sejarah negara sendiri, (e) penyediaan harapan agar anak Kosova yang hidup menderita atas agenda tertentu dari semua penjuru dapat mengembalikan semula maruah mereka di tengah-tengah pertolongan Allah dan (f) penyediaan harapan agar anak Kosova melangkah ke depan, menuntut hak ketuanan, dengan mengetepikan segala kesilapan yang lampau, demi menegakkan kemerdekaan negara dengan kekuatan yang tidak mengenal kekalahan. Idea ini disenaraikan dengan berpandukan maksud yang dibawa oleh beberapa ungkapan inti pati yang mempertahankan makna yang hampir

dengan makna permukaan linguistik daripada pandangan struktural. AAD tidak banyak menggunakan tanda yang mujarad pada aras mimesis.

Kelima-lima idea itu memungkinan pewujudan fikiran yang boleh dijadikan kesan tanggapan yang menyimpulkan bahawa kemanusiaan yang dinodai oleh pembunuhan antara sesama usul bangsa telah menyebabkan tergugatnya idealisme yang menginginkan sebuah negara baharu yang merdeka dari segi autonomi kepercayaan. Idealisme perjuangan kemerdekaan itu akhirnya digantikan dengan penderitaan dan kehilangan yang pernah dialami oleh manusia dalam tamadun Uthmaniah. Penderitaan ini harus berakhir dengan kemenangan, seandainya maruah baharu mahu didirikan. Fikiran ini terjana melalui interpretasi beberapa indeksikal, termasuklah:

*menghisap darah berkat sebangsa  
terpenggal erti diri merdeka  
... bersalut darah  
bersiram air mata merah*

Dengan maksud penderitaan yang dikaitkan dengan semangat untuk pihak yang dilaksanakan oleh indeksikal:

*lemah longlai umat di genggam orang*

Cabaran yang dimajukan oleh penyair sebagai wadah kepuasan dalam perjuangan mereka mencapai kemerdekaan yang terlepas daripada cengkaman musuh daripada pengaruh agama lain, ikon bagi indeksikal yang berikut dikaitkan dengan keutuhan maksud dalam satuan yang berkoherensi dengan maksud yang menjadikan beban yang dapat ditakrif sebagai satu tugas dan tanggungjawab paling penting dan utama bagi dipikul oleh etnik Albania yang teraniaya dalam penderitaan:

*betapa bukti kejam perbuatan sesama manusia  
tidak pun kau tegak berdiri merombak rencana*

Cabaran yang penuh semangat kental kemudiannya diperkukuh dengan jaminan bahawa kesenangan akan tercapai atas izin Allah, dan kesempatan itu memberi ruang dan waktu untuk mereka meneruskan perjuangan menghapuskan penderitaan dan kezaliman yang tidak akan putus-putus, malahan berterusan, seandainya tidak diharung dengan satu tenaga dan semangat secara bersama, sebagaimana yang dibawakan oleh interpretasi indeksikal yang berikut ini:

*biar masjidmu melimpah jemaah*

*dalam kezaliman bawa ilmu akhirat  
remajamu kental di landasan  
bukan pada nama syiar tidak tertegak  
baru nama Kosova bukannya Kosovo beroleh selamat*

Untuk itu, anak Kosova disaran supaya membuang segala kesilapan lama, gantikannya dengan semangat, keberanian dan kebijaksanaan baharu.

Dari satu segi, fikiran ini bukan tidak dirasakan oleh pembaca lain jika mereka melihat bahawa mesej puisi semata-mata bersifat mendedahkan pengalaman sejarah. Seandainya inilah yang dilihat, maka AAD tidak akan menggunakan puisi untuk mencetuskan pemikiran yang serata seperti itu; sebaliknya boleh sahaja dilakukan dengan menggunakan narasi dan deskripsi semudah sebuah wacana prosaik. Fikiran yang terbawa dalam sesebuah puisi itu diperoleh dengan menggunakan interpretasi terhadap tanda dan sistem tanda yang terselindung di bawah struktur dasarnya. Mesej ini merupakan satuan atau jalinan beberapa rantai fikiran yang tergabung dalam bentuk jisim yang terujuk dalam puisi sebagai yang dikenali juga dalam kalangan pengkaji sastera sebagai mesej, atau interpretan oleh Riffaterre. Dalam puisi, puncak pernyataan interpretan ialah kemanusiaan.

## INTERPRETAN

Bukan sahaja benda tetapi idea juga dapat menjadi objek fikiran manusia yang tidak mempunyai idea. Oleh sebab itu, masalah idea sebagai objek fikiran memerlukan pemahaman yang tepat. Seseorang boleh menggunakan dunia dalamannya untuk mendapat idea seandainya dia bukan pembawa idea pada sesuatu kes. Idea yang diperoleh melalui dunia dalaman ini dengan menggunakan interpretasi terhadap tanda dan sistem tanda pada struktur puisi inilah yang dinamai interpretan.

Pemindahan dan penukaran lazimnya berfungsi sebagai tanda teks dalam puisi. Dalam puisi yang berjudul *Citra Mukmin* (hlm. 53–55), stanza pertama merumus tugas manusia untuk melakukan pemilihan antara yang mahu ditujui atau ditinggalkan, sama ada mahu menakluk kebaikan atau meninggalkannya bagi ditakluk oleh keburukan dalam pembentukan diri yang memenuhi sifat dan citra sebagai seorang “mukmin” atau sebaliknya. Rumusan itu dapat dilihat daripada struktur yang berikut:

*Kita ini adalah di persimpangan  
akan temu jalan memilih antara kanan yang makruf  
atau melangkah ke kiri memasuki yang mungkar*

*atau mara ke depan mengejar al-falah  
atau mundur ke belakang sesat citra mencari diri*

Dalam proses pemindahan, dua pilihan di persimpangan (supaya dicari ketentuan) diperlihatkan sebagai teks yang berasingan tetapi dengan kecenderungan yang tidak diasingkan. Pilihan itu digambarkan dalam bentuk tindakan yang bersifat dua makna; satu yang diterima mengikut konteks (di sini konotasi terbalik itu menerbitkan sintaksis dan leksikon) dan yang satu lagi konotasi terbalik yang menerbitkan keseimbangan terbalik. Keduanya dapat diterima, seandainya yang satu itu membawa makna metaforik dengan yang lainnya membawa makna harfiah. Walaupun leksis “makruf”, “mungkar” dan “al-falah” mengandungi makna khusus yang mujarad dalam konteks amalan yang disesuaikan, namun konsep kepercayaan yang dipaparkan setelah dipindahkan pun masih tidak jauh meninggalkan makna biasa pada aras permukaan linguistiknya. Makna ini pada aras interpretasi masih tetap tergolong dalam makna harfiah.

Makna harfiah, selain yang ditunjukkan dalam contoh di atas, dapat sahaja dibawa oleh ungkapan seperti di bawah ini yang mengandungi konotasi rujukan yang bernyawa mistik:

*Ke mana saja wajahmu kauhadap – waima ke Barat  
kaulah orang-orang yang mendapat kemenangan  
nikmat dan bahagia dalam duniawi ukhrawi  
subur sejahtera sejati abadi*

Dalam struktur ungkapan di atas, penyair jelas berperanan “pendakwah” yang sentiasa ingin menyampaikan pengajaran kepada orang Islam yang belum tentu lagi dapat memenuhi sifat orang mukmin. Pesanan penyair seperti ini disebut autonomi fungsian, supaya struktur ujaran yang dimajukan itu berkuasa mengandungi maklumat agar dipelajari dan dipatuhi oleh pihak yang ditujukan sebagai cara yang diizinkan dalam puisi.

Makna metaforik daripada pemindahan konotasi terbalik pula terkandung dalam struktur ujaran yang tidak dapat makna linguistiknya dikekalkan oleh penterjemahan struktur permukaannya. Dalam stanza ketujuh (hlm. 54), pertanyaan penyair supaya dijawab oleh pembaca daripada umat Islam (seandainya mahu menjadi “mukmin”) menjadi perangsang kepada makna metaforik di bawah dasar ujaran pertanyaan, mahupun makna tafsiran daripada beberapa ayat suci yang bukan ayat bahasa Arab biasa:

*Kauungkap dan kautanya kembali*

*Apakah erti dasar kebenaran?*

*“Dan orang yang membawa kebenaran dan yang membenarkannya mereka itulah orang-orang yang taqwa”*

*Surah az-Zumar 39:33*

*Apakah erti keadilan?*

*“Berlaku adillah kamu sebab adil itu lebih dekat kepada taqwa”*

*Surah al-Maa'idah 5:8*

*Apakah erti dasar amanah?*

*“Hendaknya orang yang dipercayai itu menunaikan amanahnya dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya”*

*Surah al-Baqarah 2:283*

*Apakah erti dasar ihsan?*

*“Bagi orang-orang yang berbuat kebaikan antara mereka dan yang bertaqwa tersedia pahala yang besar”*

*Surah Ali 'Imran 3:172*

Selagi pembaca dan penafsir tidak benar-benar mengetahui maksud sebenar “taqwa”, “kebenaran”, “keadilan”, “amanah”, “dasar ihsan” dan “kebaikan” di sisi Allah taala, bukan mudah mengamalkan konsep tersebut dalam bentuk amalan yang bersifat sikap, pendirian, tindakan dan perasaan yang benar di sisi hanya Allah taala. Mencari maksud sebenar “di sisi Allah taala” itulah menjadi dugaan manusia membentuk diri dan peribadi mereka sebagai seorang mukmin. Jawapan untuk inilah yang disebut interpretan yang berada di bawah struktur permukaan stanza tersebut, yang menjadi sebahagian daripada keseluruhan mesej puisi yang sama. Rujukan yang menjawab pertanyaan penyair itulah yang disebut juga dengan istilah “pemindahan yang tercantum dengan peluasan”. Semua “konstan” yang diperpanjang itu dimanifestasi secara berulang-ulang, supaya kata yang mewakili makna (atau *semes*) berupaya merumus atau melambangkan maklumat dalam matriks yang menunjukkan perkaitan yang saling bergantung dengan konsep kepercayaan mujarad yang disediakan di dalamnya.

Pada aras pemikiran Melayu, istilah “taqwa”, “kebenaran”, “keadilan”, “amanah” dan “kebaikan” tidak sahaja membawa tuntutan yang harus dilaksanakan oleh manusia mukmin, malahan konsep itu dituntut untuk dipelajari bagi mengukuh kekuatan diri dalam pemahaman tentang agama Islam. Falsafah ini bukan hanya selesai di bibir sahaja (seperti melalui pembacaan ayat al-Quran), tetapi harus dilaksanakan dalam bentuk amalan (perbuatan, sikap, dan keyakinan). Penyair yang cukup berpengetahuan dalam ilmu Islam berdasarkan sentuhan yang dilaburkan dalam permintaannya

untuk golongan yang dikatakan mukmin itu berupaya menyediakan fungsi manusia sebagai khalifah di dunia. AAD menggunakan puisi sebagai alat untuk melaksanakan tugasnya sebagai pendakwah Islam itu.

## **KERANGKA TEORI**

Dalam kajian ini saya menggunakan konsep Michael Riffaterre untuk maksud interpretan. Konsep ini telah pertama kali diperkenal oleh Pierce sebagai “Suatu tanda yang berdiri untuk sesuatu terhadap idea yang ia hasilkan, atau ubahsui . . . Bahawa sesuatu yang dinyatakan itu dinamai objeknya; sesuatu yang disampaikan sebagai maknanya; dan idea yang timbul daripadanya adalah interpretannya”. Sebarang kesamaan yang tertubuh oleh puisi dan yang tertanggap oleh pembacaan yang mempunyai kesan lampau ke atas yang akan datang dapat sahaja dianggap interpretan: misalnya satu paradigma sinonim dalam ayat al-Quran. Istilah tanda akan digunakan dalam kajian kekhususan terhadap puisi dan yang fungsinya adalah untuk memandu pembaca dalam bacaan bandingan atau strukturalnya.

Ada dua jenis interpretan yang harus dibezakan: leksematik berbanding dengan teks. Interpretan teks mengantarai teks: mengandungi model persamaan dan pindahan daripada satu kod kepada kod yang lain, dan juga menyediakan rumus idiolek puisi, menjamin kelestarian tradisi atau konvensi melalui peranan tatabahasa normatif, berserta amalan semiotik terhadap sesebuah puisi yang dikaji. Interpretan leksematik pula mengantarai kata yang dianggap oleh Riffaterre sebagai dwitanda, kerana interpretan ini berupaya melakukan dua tugas, sama ada menerbitkan dua teks secara serentak dalam sesebuah puisi (atau satu teks yang dapat difahami dengan dua cara), atau membuat praanggapan terhadap dua hipogram secara serentak. Kedua-dua jenis interpretan ini saling berhubungan, tetapi saya akan menumpukan banyak perhatian kepada fungsi interpretan leksematik terhadap maksud teks.

## **PERMAINAN KATA SECARA INTERTEKS**

Dwitanda yang disebutkan tadi bekerja semacam sejenis permainan kata. Permainan kata dalam wacana puitik akan kita dapati tumbuh daripada “akar umbi” teks. Pertama, permainan kata akan dilihat sebagai semata-mata bentuk ketidakgramatisan, supaya penemuan dibuat sehingga terdapatnya teks lain yang dalamnya terdapat kata yang tetap digunakan secara gramatis. Pada saat teks yang lain itu dikenal pasti, dwitanda akan menjadi signifikan yang semata-mata disebabkan oleh bentuknya yang dengan sendirinya menyebut

atau menyentuh kod yang lain itu.

Dalam puisi *Kepada Yang Pergi Kepada Yang Datang* (hlm. 47), AAD menyediakan dua versi tentang manusia yang diletakkan dalam hubungan yang akrab dengan Tuhan. Rumus asas genre ialah bahawa setiap orang yang dikatakan manusia Islam itu mestilah diraikan dalam dua konteks peranan mereka, sama ada semasa hidupnya, atau dalam proses yang bertugas sebagai *causeway* untuk menghadapi dunia akhirat. Dua dunia manusia dibayangi untuk manusia yang sama dijadikan Allah taala di muka bumi ini. Konteks untuk apa yang harus dilakukan oleh manusia semasa hidup di dunia dibangunkan begitu indah dan tepat, tidak perlu lagi diubah-ubah, dari segi daya ramal demi menyelami maksud penyair dalam sifatnya sebuah deskripsi yang utuh.

Walaupun fikiran yang dilampirkan tidak dicirikan oleh kontroversi dan pertentangan (kerana penyair menyediakan teks dengan maksud ingat-mengingati dan pesan-memesani dalam proses pembentukan manusia melalui pendidikan mulia), proses pemberitahuan dilaksanakan dalam dwitek: satu untuk yang masih hidup dan yang satu lagi untuk penyediaan tentang cara mana manusia harus dilengkapi dengan tuntutan sebelum manusia yang sama bergerak meninggalkan dunia alam semula jadi ke dunia alam abadi atau alam *baqa'*. Imej yang diwujudkan begitu lazim, dengan motif penyair terdapat dalam kedua-dua versi. Versi pertama yang mengingatkan manusia supaya bersedia memuatkan kapal yang dibawa belayar ke alam *baqa'* itu dengan muatan yang tepat dari segi mutu barang amalan yang diangkut pergi terdapat dalam versi kedua. Versi kedua yang mengandungi nilai ibadah dan bekalan bagi dikumpulkan untuk disimpan oleh manusia mengikut tuntutan setepat yang perlu menurut akidah Islam termuat dalam lima stanza yang berikutnya, walaupun disisipkan juga peringatan kepada dua jenis manusia daripada dua konteks secara berulang-ulang untuk maksud peneguhan.

Antara ungkapan daripada versi pertama yang digunakan oleh AAD untuk peneguhan ini ialah:

*bawalah wasiat turun-temurun sejak asal kejadian kita  
 ... sejarah manusia dan para rasul  
 bagaikan musafir lalu dalam perjalanan  
 menuju garis hari kemudian;  
 kitalah khalifah yang pergi dan yang datang  
 ... berfikir dan takwa menguhkan hati  
 mengumpul bekal dalam makna budi*



Indeksikal “bagai musafir lalu dalam perjalanan, menuju garis hari kemudian” tidak akan menjadi motif seandainya tidak diperkukuh dengan keperluan yang menjanjikan “makna budi”, kecuali setelah “mengumpul bekal” yang secukupnya.

Versi kedua yang menyatakan tuntutan yang bagaimanakah yang harus “menjadi bekal” itu terdapat dalam sedutan daripada stanza keempat (hlm. 48):

*kerana itulah janji yang dipegang sejak dulu  
tugas adalah amanah  
laksanakan tanpa kerendah*

Indeksikal “tugas adalah amanah” paling langsung menjemput tuntutan sokongan yang lain seperti “membersihkan batu-batu” (dengan maksud konteks bahawa manusia yang amanah harus bertindak “seperti sebuah sungai yang memberi irama kepada rimba” untuk membuang sifat bongkak kerana kuasa, iaitu berdasarkan konotasi “batu” sebagai tindakan manusia yang mementingkan kuasa, dan “laksanakan (amanah) tanpa karenah” dengan maksud konteks bahawa “manusia yang mahu menuju ke jalan Allah haruslah menyempurnakan amanah sebagai khalifah, dan menidakkan perbuatan mungkar seperti mementingkan diri dan muslihat yang lain. Hal ini demikian kerana, amanah yang dipikul oleh manusia menurut ajaran Islam tidak mengandungi muslihat diri. Kandungan kesedaran yang terdukung dalam idea yang dikemukakan oleh penyair melambai fikiran yang dimajukan supaya manusia tidak mengelat daripada memikul tanggungjawab di dunia ini menurut kebenaran Ilahi dengan cara sekurang-kurangnya:

*kitalah kena membina gerbang kalimah syahadat  
jadikan anak kunci hayat  
... dan mengambil peringatan;  
kitalah dalam kalimat itu akan mewarnai kehidupan  
mengerjakan perintah dan meninggalkan larangan*

Pengeluaran teks puisi biasanya menyediakan penampungan untuk masalah yang timbul pada aras semantik oleh keterangan pada aras leksikal. Dalam ungkapan di atas ditimbulkan masalah yang dijawab oleh makna yang dibawa oleh metafora “kita kena membina gerbang kalimah syahadat” yang harus “dijadikan anak kunci hayat” yang merupakan aspek penyelesaian pada masalah semantik di situ.

Idea yang dikemukakan untuk kedua-dua versi yang berisikan motif pengisian atau pemenuhan itu tidak bersifat menyediakan kebenaran, tetapi

semacam jalan yang perlu diluruskan sebelum menjejak kebenaran Ilahi sepanjang sebelum menemui-Nya di akhirat. Oleh sebab itu, kandungan kesedaran yang terkandung dalam struktur ungkapan AAD bukan untuk mempertikaikan kebenaran tetapi, sebaliknya, menyediakan penyelajaran butiran untuk sampai kepada kebenaran yang bersifat tuntutan dalam konteks manusia di sisi Tuhan Yang Maha Esa.

Idea yang berkolaborasi antara tugas manusia yang tinggal dengan yang akan pergi itu sebenarnya datang daripada tuntutan Ilahi yang sama. Yang membezakan satu dari yang lainnya itu hanya dari sudut apakah keperluan pada aras pemergian itu dipenuhi oleh manusia sebelum peninggalan dunia yang pernah diduduki oleh mereka, dengan amanah yang dipertanggungjawabkan, dan yang mesti pula dilaksanakan melalui amalan sebelum memasuki dunia pemergian itu.

Kolaborasi idea yang membentuk fikiran dalam satuan yang utuh telah dibantu oleh semantik kata dalam ujaran seperti “mengerjakan perintah” dan “meninggalkan larangan” yang, setelah melalui proses pepaduan interteks antara satu sama lain, dapat mendirikan kebenaran yang dituntut daripada domain keunggulan Ilahi yang terangkum dalam “kalimah syahadat” dalam Islam. Kesemuanya telah disumbangkan secara berkesan oleh peranan tanda leksematik dalam kesatuan sintaksis dan kesalingbergantungan semula jadi antara unsurnya dalam struktur wacana yang terbina itu.

Dalam puisi *Sabar* (hlm.50), terdapat pemindahan yang tidak dikehendaki daripada nilai kesabaran yang berkongsi “kepayahan dan kesukaran” dalam kehidupan yang ditempuhi penyair. Konsep “kesabaran” yang dimajukan oleh AAD merupakan pengalaman dirinya sebagai manusia yang menghadapi dilema dalam kehidupan “nasi yang bercampur pasir”. Sebaliknya, pembaca disaran agar menafsir kepayahan tersebut bahawa persoalan yang tidak berjawab boleh sebenarnya mendapat jawapan apabila manusia yang mengalami kesulitan hidup yang berdilema itu dapat sahaja menerima hakikat dengan cara membiarkan sahaja “sabar membebaskan tafsir”. Kepayahan, sekalipun dapat diatasi dengan cara yang termampu, masih tinggal kekal sebagai komponen kesusasteraan. Kesukaran yang diperkenalkan oleh penyair sebagai:

*Hari ke hari  
musim ke musim  
hidup kian sukar*

merupakan rumusan yang didahulukan terhadap apa yang sebenar-benarnya

hal yang telah menyebabkan terciptanya kesukaran asalnya:

*Di mana berdiri  
di situ terpijak duri  
ke mana berjalan  
ranjaunya tidak tertahan*

Pada saat ini, pembaca hanya dapat melihat imej daripada keasingan teks; pemahaman harus disambungkan dengan jambatan melalui usaha dan gaya dalam minda. Cara yang digunakan oleh AAD untuk mendirikan jambatan itu ialah dengan membina pertentangan atau konflik interteks – konflik yang tidak diperlembut oleh koleksi kebenaran pada kesedaran pembaca Melayu tetapi yang telah menyebabkan bangsa Melayu itu sendiri melakukannya supaya konsep “sabar” sentiasa berfungsi dalam minda mereka:

*Bukan kita tidak hati-hati  
tetapi seteru yang terus mencari*

Konflik yang diperlukan oleh orang Melayu yang beragama Islam seperti itu dalam masyarakat membuatkan kekuatan tenaga Islam yang meletakkan iman seseorang mukmin itu berdasarkan “sabar” yang ada padanya membuatkan orang Melayu sentiasa berhadapan dengan musuh yang dibentuk oleh mereka (melalui konotasi metafora “tetapi seteru yang terus mencari”). Dalam keadaan yang serba merugikan ini, orang Melayu akan hanya diselamatkan oleh ikhtiar terakhir, iaitulah dengan cara:

*biar sabar membebaskan tafsir*

Bukan sahaja orang Melayu, AAD juga yang berhadapan dengan kepayahan yang dimaksudkan sebelum ini memerlukan kaedah yang sama dalam usaha menentukan keputusan. Dalam falsafah bahasa Melayu, apabila orang Melayu membesar-besarkan cerita tentang orang lain, mereka sering dikatakan “menjaga tepi kain orang lain”, tetapi jika kesabaran digunakan untuk menghadapi semua masalah, maka barulah orang Melayu senyum dan tidak berkata-kata lagi. Konflik kedua ialah keadaan sejauh mana orang Melayu yang tidak beriman dan kurang beragama dapat menggunakan kesabaran sebagai alat untuk meredakan keadaan sulit yang melanda diri dan keluarga mereka dalam kehidupan masyarakat. Konflik ini boleh jadi berterusan jika tidak ada cara untuk mengatasinya. Konflik yang berterusan dengan sendiri akan memungkinkan perbuatan yang dicirikan oleh keganasan, iaitu sifat berbanding dengan kesabaran. Berdasarkan hakikat ini, atau kemungkinan

yang akan menjadi hakikat, terdapat falsafah tentang kehidupan orang Melayu yang tersampai di bawah metafora yang digunakan oleh AAD dalam puisinya. Selagi “sabar dibiarkan membebaskan tafsir”, selagi itu orang Melayu tidak akan berubah daripada satu tahap yang terus mencari seteru kepada tahap “nasi yang dimakan oleh mereka” sentiasa “bercampur pasir”.

Dalam budaya Melayu, “nasi bercampur pasir” mengandungi kiasan yang sangat dalam bagi kalangan yang mengalami masalah atau penganiayaan yang sukar diubahi, lebih-lebih lagi apabila masalah itu telah sebatu dengan unsur negatif di dalamnya. Falsafah yang sama kemudiannya diperluas dan dihalusi dalam *Rindu Singapura* (hlm.73), dengan pengalaman “nasi bercampur pasir” itu dikaitkan dalam jaringan psikologi dan kognitif yang seiras dengan pengalaman yang terkandung dalam “padahnya sukar mengubat rindu rasa” sebagai kesan daripada pengalaman yang berikut:

*perit rasanya hidup serumah tangga  
lalu bercerai – memilih hala berbeza*

Kenangan yang sudah kian terlepas dari tangan kerana kesilapan manusia dalam sejarah menjadikan penduduk Yang Dipertuan mengalami fobia gila talak, tetapi nasi telah sebenarnya menjadi bubur. Fobia ini digambarkan oleh AAD untuk menurunkan hukuman ke atas dosa yang sangat besar tetapi yang dianggap bagai tidak wujud pun oleh sejarah:

*Tanjung Pagar ruang kita bertemu  
sejak dulu tiada pun mengenali jemu  
cuma kini dalam sombong bongkakmu  
setia berubah menjadi sembilu  
terasa parah tajamnya menusuk kalbu;*

Manakan mereka tidak berasa sombong, bukan sedikit yang diberi oleh sejarah kepada mereka, sejarah yang tidak pernah terjadi di tempat lain di dunia, dan mereka telah dikurniakan sebuah negara tanpa harga sesen pun. Akibat seperti ini, yang dianggap sebagai suatu “padah” oleh AAD, memang akan menyerang kesedaran secara berterusan, serta bertempat dalam jiwa dan minda cucu-cicit Yang Dipertuan, selagi kenangan akan selamanya menyalahkan manusia yang khilaf, bukannya sejarah yang tidak mengenal manikam. Idea tentang fobia inilah yang menjadi teras kepada fikiran yang terbentuk dalam puisi tersebut. Kesayangan kepada negara sendiri yang tidak kunjung padam menjadi penyakit kepada anak cucu apabila harga sebuah negara yang tidak sampai sesen itu pun dibalas dengan perasaan yang tidak mengenang budi di sisi manusia yang kepada mereka sebuah negara

diserahkan. Akhirnya penyakit semacam ini diramal oleh penyairnya akan mencetuskan kebimbangan yang boleh menyebabkan sakit jiwa yang teramat kalut dan bisa. Fikiran ini terungkap begitu jelas melalui bahagian maksud pantun, iaitu sifat yang diberi kepada puisi tersebut:

“.....  
*khianat bergurau saudara seberang  
pandai bermasyhur curang di kalbu”*

“.....  
*sejarah dipadam rakyat keliru  
hilanglah budaya adat warisan”*

Puisi ini merupakan teks yang digunakan sebagai rujukan kepada realiti sejarah. Maksud teks berjalan serentak dengan masa teks itu dibaca menurut caranya dibina untuk dibaca sebagai rujukan kepada hakikat semula jadi, tetapi bersifat sejarawi. Malahan, label seperti “pertimbangan nilai secara negatif” sebenarnya merupakan modaliti persepsi kesasteraan, dan semuanya adalah juga kerasionalan yang bergelegak dalam kesedaran mimesis: permainan kata juga merupakan tanda rujukan intertekstual bagi memungkinkan pembaca disebabkan untuk menimba sekali lagi pengalaman kesasteraan. Persepsi tradisi dalam teks boleh sahaja menjadi kesakitan kepada seseorang penyair. Permainan kata tidak akan hilang kuasa realitinya ke atas interpretasi, walaupun dalam perubahan budaya yang timbul atau yang mahu dilupakan. Demikianlah keadaan semula jadi tanda daripada jenis ini, sama ada dua atau serupa, bahawa apabila intertekstunya hilang akan terbinalah semula yang lain bagi menerbitkan rujukan gambaran demi gambaran. Dan ini diizinkan oleh interpretasi tanda ke atas teks setelah dipraanggap.

## DWITANDA

Dwitanda ialah kata taksa yang terjadi pada satu titik, iaitu tempat dua urutan semantik atau perkaitan formal bersilang. Titik yang hampir dan berkaitan dapat menjadi imej yang lebih baik, kerana kata tersebut mencantumkan semula rangkaian perkaitan yang terlukis di sepanjang laluan selari oleh ayat. Kesesuaian yang dimungkinkan di sana sini dalam teks yang lain merupakan konsep biasa sahaja pada titik ini dalam penerokaan gigitan semiotik, supaya teks yang lain itu begitu hampir dalam urutan yang bercampur dengan yang lain, tempat kata taksa itu tergolong. Dwitanda sebenarnya dwitanda yang berbeza, yang jauh tetapi dekat.

Kata jenis ini dapat membawa makna dengan cara yang tidak dapat diterangkan secara metaforik atau metonimik, dan kata ini menunjuk kepada maksud teks kerana mewakili seluruh “teks” sebagai teks yang lain. Sebagai hakikat, perincian dalam *Penyaksian* (hlm.75) memang sedikit. Walaupun sedikit, setiap yang ada itu tetap penting untuk diberi perhatian kerana perincian tersebut telah pun dirakamkan. Puisi satu stanza ini tidak menyenaraikan tambahan bagi dijadikan makna sangkutannya diperluas berdasarkan kolokasi atau perkaitan yang saling tersentuh antara konsep utama dengan perincian yang memadatkan konsep. Apabila kita mengikuti puisi tersebut dengan membaca urutan kata yang membinanya, kita akan dapat merasakan perincian yang tersedut secara pendek itu:

*Kalimat syahadatain  
Lailahailallah  
Muhammadur Rasulallah  
dua kalimat yang ringan di bibir  
terlalu berat menjadi ucapan zikir  
dalam qadak dan takdir  
bagi yang tidak kikir  
hidup batin zahir  
mohonku menjadi ucapan akhir.*

Akan tetapi, sebagai tafsiran tanda, yang dimaksudkan memang jelas: ada pun kalimahnyanya dua dan mudah pula disebut, tetapi sebagai zikir amat berat konsep kebenarannya bagi dilaksanakan mengikut pengertian yang ditentukan oleh “qadak” dan takdir. Maksud ini dapat sahaja dilanjutkan supaya manusia tidak memandangi konsep zikir itu sebagai hanya bacaan, malahan seluruhnya berbentuk amalan. Fungsi zikir sebagai pengantara dapat menghantar manusia kepada Allah berdasarkan amalan yang terjelma daripada kesucian hati dan penyerahan diri sepenuhnya kepada Ilahi. Dalam konteks ini kata “kikir” berfungsi sebagai dwitanda; satu sebagai tanda yang termaksudkan “lokek” dalam ayat biasa, manakala yang satu lagi sebagai unsur ketelitian dan “ketaasuban” dalam konteks yang masa itu emas dan tidak harus disalahgunakan. Dalam konteks yang ada itu, zikir diberi fungsi penyelamat dalam semua keadaan: manusia dengan kehidupan yang sungguh-sungguh dan nilai ketuhanan yang tinggi sebagai tanggungjawab yang harus disempurnakan melalui amalan di sisi kebenaran Ilahi, bukan kebenaran manusia yang menafsir kebenaran Ilahi.

Sebagai unsur interpretasi tanda, “dua kalimah syahadah” mengandungi tuntutan Ilahi yang sangat luas. Hanya “zikir” sahaja yang boleh bersilang

pada satu titik yang jauh pada imej yang diterjemahkan oleh rangkaian perkaitan yang diwujudkan oleh kedua-dua tanda itu di sepanjang laluan yang selari dan yang tidak bertentangan sama sekali. Pertemuan pada titik falsafah Ilahi yang difahami manusia sebenarnya telah berlaku dengan penuh keakuran sebagai kandungan kesedaran yang terisi dengan hakikat bahawa manusia hanya mampu berfikir, berusaha dan melaksanakan sesuatu tetapi tidak mampu menentukan sesuatu. Maka penyair tidak terkata pun betapa istimewanya ilmu dan amalan yang terkandung di bawah sebutan dua kalimat, supaya isinya, sedapat yang dipohon oleh penyair, menjadi batu tanda kepada hembusan nafas terakhirnya sebagai penyelamat yang tidak terhingga nilai keabadiannya.

Pada aras kepercayaan orang Islam, “kalimah dua syahadah” penuh termuat dengan kebenaran Ilahi yang tinggi dan sempurna. Tidak ada yang kurang dan tertinggal dalam kedua-dua kalimah tersebut dari segi yang dikehendaki oleh Tuhan dengan yang harus dipenuhi oleh manusia pada pertemuan dua kebenaran di kemuncak silangan dua tanda tadi itu. Contoh indeksikal di atas menunjukkan bahawa permainan kata sangat penting dan berfungsi, di samping kekangan sintaksis dan leksikal yang sepatutnya melarang ketaksaan. Berdasarkan bentuk puisi yang dimajukan oleh penyair, fenomena mistik wujud pada keselajaran permukaan linguistik dalam puisi tersebut sebagai kasus ketidakgramatisan dengan kehadiran bersamasamanya fungsi semiotik. Bahasa Melayu tidak menggunakan struktur puitik seperti itu untuk tujuan komunikasi dalam kalangan penutur natifnya. Wacana yang tidak mengandungi struktur linguistik di permukaannya, seperti jugalah sebuah puisi, tetap tergolong sebagai unsur atau kasus ketidakgramatisan daripada *repertoire* kreatif bahasa Melayu.

Sememangnya perlu diterangkan mengapa interpretasi gramatis tidak sahaja mungkin tetapi juga berkecenderungan tidak dapat dielakkan, dan mengapa pula interpretasi gramatis dianggap melengkapkan dan bukannya bersifat melepaskan sesuatu. Sebabnya tidak lain ialah bahawa urutan ujaran sekali gus bertindak maju sebagai mimesis, selain juga sebagai semiosis. Pada aras mimesis, makna kata bergantung seluruhnya pada sintaksis dan lingkungan: berlaku penambahan beberapa butiran maklumat kepada butiran maklumat yang lain, supaya rujukan utama yang lazim menjadi semacam sistem deskriptif yang bertugas untuk menyebarkan gambaran yang sesuai dalam dan sepanjang ayat.

Dalam puisi *Sembilu Kata* (hlm.83), gambaran tentang manusia yang sering “ditikam sembilu kata rakan sendiri” yang akhirnya menimbulkan kesan pantulan yang membuatkan “sinar membalik peribadi” lalu “menukar bayang

diri”. Nilai kemanusiaan jagat ini semacam saling memenuhi nilai kemanusiaan Islam yang percaya bahawa setiap sikap manusia yang serong itu akan berbalik semula menjadi sikap sendiri apabila kehadiran kebaikan orang lain tidak disenangi. Menurut penyair, manusia yang bersalah atau mempunyai sikap yang serong terhadap orang lain akan berakhir dengan perubahan yang mendadak kepada peribadinya sendiri. Interpretasi ini mirip sungguh kepada kebenaran falsafah orang tua-tua yang termaksud dalam perumpamaan “seperti menepuk air di dulang, terpercik ke muka sendiri”. Memang tidak dinyatakan dalam puisi tersebut, bahawa manusia perlu mengadakan perubahan terhadap sikap tradisi yang lapuk, seperti sikap suka menyalahkan orang lain. Di sebalik kecenderungan itu, fikiran yang tertangkap daripada idea yang dikemukakan terasa agak bertentangan dengan maksud yang timbul daripada ungkapan atau ayat dalam puisi. Kesan yang timbul itu difahami melalui intaian semantik dalam ungkapan pada stanza pertama:

*Aku tidak mahu terasa  
orang lain yang berasa  
aku jaga lebih dari apa*

Tradisi mengheret masuk kesalahan orang lain ke dalam diri sendiri sememangnya telah sering diperkatakan dalam bidang *tasauuf*, atau mistik. Manusia dikatakan tidak terlepas daripada kejahatan yang dilakukannya ke atas orang lain. Tradisi kepercayaan ini dipandang serius oleh AAD supaya orang Melayu yang terlepas daripada penyakit tersebut sahaja yang boleh maju ke depan. Falsafah budaya yang ditunjangi oleh nilai Islam ini telah menjadi sebahagian daripada pandangan dunia Melayu, supaya kehadiran Islam dalam diri seseorang akan menjadikannya terselamat daripada unsur ketempangan yang menjejaskan kemajuan orang Melayu sendiri. Malangnya, kehadiran Islam dalam sistem kepercayaan orang Melayu menjadikan orang Melayu lebih banyak mengalami penyakit jiwa yang terpaksa ditanggung. Lalu AAD berpesan kepada rakan dalam *Lompat Rakan* (hlm. 91) yang dibandingkannya dengan “lompat si katak lompat” dalam sastra rakyat:

*Lompat rakan si katak lompat  
lompatlah tinggi-tinggi  
sudah tabiat suka melompat  
lompatlah tak sedar diri*

Seandainya begini cara rakan Melayu hendak mencapai kejayaan “lompatlah tinggi-tinggi”, keadaan yang sebenar akan membuktikan bahawa



orang Melayu lebih banyak bersikap memilih “untuk senang” daripada merempat setelah dikejar tidak ada “katak” yang dapat. Sikap mahu senang ini telah banyak memberi kesan kepada sikap orang Melayu yang tidak tahu malu. Sekali lagi AAD berpesan dengan amaran untuk menyelamatkan anak bangsanya, lalu mengatakan:

*Pandai junjung berangkat sejalan pergi  
pandai kelek membawa untung berlari  
pandai pondong jangan pula tersungkur diri  
waima engkau terjelir temui mati*

Psikologi sesetengah orang Melayu ditegur supaya tidak menjadi faktor lazim yang boleh menyebabkan orang Melayu terus tinggal sebagai bangsa yang bodoh di negara sendiri. Pada aras semiotik, secara kontradiksi, kata yang diulang bentuk tindakan yang dibawa oleh kata kerja dalam puisi di atas telah sebenarnya berfungsi untuk mengulang maklumat yang sama, terutamanya *seme*, atau kelestarian struktur tematik: kesemuanya berkisar pada maklumat yang sama.

Maklumat terdapat pada teks mimetik yang sintagmatik, manakala idea yang timbul daripadanya terdapat pada teks semiotik yang paradigmatic. Ukuran ini memungkinkan penafsir membuat interpretasi ke atas struktur ujaran yang diisi lingkungannya oleh tanda-tanda-kata tertentu bagi mendapat fikiran yang terpersepsi di situ. Akan tetapi, dalam keadaan yang tidak dikehendaknya pun, penyair masih nampak dengan jelas akan gejala atau penyakit masyarakat yang masih wujud, walaupun berwajah usang:

*Lompat si katak lompat  
lompatlah sesuka hati  
ke mana pergi dikeji umpat  
tetapi tuan puteri engkau miliki*

Keburukan yang sering memberi wajah kepada kehidupan manusia, supaya dicari di celah-celahnya pilihan lain yang boleh menyelamatkan keadaan dan jati diri mereka, masih menjamin keselesaan, sekalipun dinikmati secara keji dan hina. Hal ini berlaku kerana masyarakat berada di ambang kehancuran, walaupun semua orang cuba mengelaknya. Kenyataan ini merupakan kebenaran taksa yang menjadi begitu bermasalah dalam kehidupan manusia, terutama dalam kalangan orang Melayu.

Sebagai jalan pintas, AAD sentiasa memilih jalan mistik untuk menyelamatkan manusia, sehalus dan sedekat mungkin. Manusia dilihatnya bagaikan berada di atas panggangan; sukar untuk dicari jalan keluarnya. Lorong

yang paling baik dapat diharapkan untuk menyediakan kedinginan kepada kehidupan manusia yang lebih anjal dan selesa, tetapi tetap taksa, ialah jalan Ilahi. Hanya Allah sahaja yang dapat membantu manusia menyelamatkan diri daripada denai keburukan ke jalan yang terbaik.

Dalam *Belantara Kalbu* (hlm. 97), yang menyorot keadaan serba salah yang melanda hati dan jiwa manusia yang serba dilema rasa, AAD mengemukakan sekian banyak pertanyaan yang sudah berjawab tetapi yang kehendaknya masih belum terjawab. Apakah kehendak itu?

Kehendak itu tidak lain ialah tuntutan perasaan cinta terhadap keindahan dan kekayaan semula jadi, malahan termasuk juga budaya, supaya niat yang bertolak daripada semata-mata kepentingan wang dan ekonomi seharusnya diberhentikan, agar manusia yang sedang menggunakan keindahan dan kekayaan alam itu dapat meneruskan kesinambungan yang ada, supaya kekayaan semula jadi itu akan menjadi sumber kekayaan bersama akan datang yang harus diperuntukkan, dan bukan dimusnahkan demi kepentingan manusia hari ini sahaja. Persepsi ini ketara sekali diutamakan, berdasarkan konotasi yang dimungkinkan daripada ungkapan yang berikut ini:

*Habis hangus hati kami terbakar  
kaumahu cetusan kalbu kami bertukar  
.....  
kaumahu segalanya kami telan  
yang kausedarakan lebih pahit dari hempedu  
apakah itu ujian dan tanda makna setia selalu  
dan kita sesat dalam diri belantara kalbu*

Metafora “kaumahu segalanya kami telan” sudah cukup untuk menggambarkan unsur tentangan jiwa terhadap kemusnahan yang dilakukan oleh pihak tertentu dalam usaha menambah kekayaan mereka; melupakan kepentingan lain yang juga penting, seperti perjuangan bahasa dan budaya sehingga “dibiarkan pedoman ke lurah, hilang tiada arah”. Anjakan yang ditunjukkan untuk memberi keutamaan kepada kekayaan diri mengatasi kepentingan yang lain, seperti kehidupan yang selesa daripada keadaan alam semula jadi yang tidak cedera, bukanlah anjakan yang memberi manfaat kepada rakyat jelata lalu mempersoal kehadiran fenomena tersebut sebagai penawaran yang tidak pernah diminta oleh mereka pun. Anjakan yang tidak dikehendaki ini telah ditunjukkan kesannya pada perasaan rakyat jelata yang berada pada permulaan yang setia (lalu mesti menelan apa sahaja yang didatangkan kepada mereka) kepada tanda tanya yang merasakan persoalan tersebut sebagai “ujian yang harus terus ditahan” buat selama-lamanya. Interpretan

ini menyediakan persoalan dan implikasinya, semata-mata yang dimungkinkan oleh falsafah bahasa Melayu yang timbul daripada struktur ungkapan dalam puisi.

Apabila penyair mengatakan bahasa Melayu sebagai “alat penting bangsa terdirinya negara” dalam *Citra Bahasa Melayu* (hlm. 128–131), dia pasti bahawa tanpa bahasa Melayu, Tanah Melayu tidak akan wujud; justeru Malaysia juga tidak akan lahir. Inilah antara falsafah yang mendasari kata kunci dalam puisi, sehingga konotasinya melampaui makna di permukaan, masuk jauh lebih dalam ke akar umbi sejarah bangsa di Nusantara. Bahasa Melayu yang digunakan sebagai alat pemikiran orang Melayu di Nusantara telah berkembang begitu pesat dengan membawa bersama-samanya fungsi terpenting dalam sebuah negara merdeka. AAD mengetahui sejarah bahasa Melayu ini dengan cukup jelas, lalu ditulis pengetahuannya dengan cara yang demikian:

*Bahasa Melayu tidak sahaja bahasa kebangsaan  
sebuah negara bangsa, dan alat penting perpaduan  
bahasa rasmi yang mempunyai nilai ekonomi,  
sebagai bahasa ilmu, dan jati diri.....  
... mengisi tamadun bangsa dan negara  
... menjadi bahasa pengucapan budaya tinggi,  
bahasa tradisi ilmu  
sumber rujukan terulung,  
bahasa falsafah, bahasa kesusasteraan,  
bahasa sains dan teknologi moden*

.....  
*tidak ada yang mustahil dicapai  
jika tekad kuat tepuk dada tanya hati  
perahu sudah di air  
pengayuh sudah di tangan*

.....  
*kerana setiap orang memikul amanah perjuangan  
kerana setiap orang di bahunya terletak bangsa.*

Dari segi falsafah yang mengenal fikiran dalam bahasa sebagai alat pernyataan segala kemungkinan, bahasa Melayu tidak diperlihatkan pun sebagai mempunyai kelemahan dan kekurangan. Hanya manusia yang kurang, dengan maksud mempunyai niat untuk mengurangkan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa sains dan teknologi moden. AAD pasti akan kebenaran ini kerana terdapat 300 juta penutur daerah yang melanjut dan meneruskan fungsi bahasa Melayu dalam negara merdeka, sesuai dengan

keperluan zaman moden. Sesiapa yang cuba membuatkan bahasa Melayu dirasai kurang berkemampuan untuk mendukung fungsi bahasa sains dan teknologi moden, orang itu sesungguhnya cacat akal, lalu tidak memahami maksud penyair yang yakin dengan kemampuan bahasa Melayu berdasarkan ungkapan “tidak ada yang mustahil dicapai” itu. Falsafah ini terbayang dalam imaginasi daripada interpretasi tanda pada sistem morfologi dan sintaksis, dengan realiti semantik sebagai komponen yang melahirkan maksud daripada maksud yang lebih awal kepada maksud yang lebih kemudian dalam wacana puitik. Falsafah ini diperkuat lagi oleh AAD melalui struktur ungkapan yang berikut dalam puisi yang sama:

*bukan tidak ada lagi halangan kini  
tidak reda-reda dan tidak henti-henti  
dari dalam dan dari luar diri*  
M.

Perhatikanlah betapa kerasnya nilai “halangan” yang didatangkan dari *dalam* dan *luar diri* manusia dalam usaha meletakkan bahasa Melayu ditempatnya yang wajar, sesuai dan gemilang. Persoalan di sini ialah mengapakah harus ada halangan dari dalam diri, yang bererti dari bangsa sendiri? Bangsa jenis apakah Melayu itu apabila bahasanya sendiri dihalang daripada menduduki tempat yang sebetulnya dalam negara dan dunia yang pesat membangun ini? Padahal yang bersangkutan paut dengan falsafah manifestasi bahasa inilah, interpretan mendapat wajah dan bentuknya. Interpretan yang timbul daripada idea tertentu bukanlah sejenis kebenaran. Sebaliknya juga bukan kepalsuan, kerana konsep yang dilunjurkan sebagai benar memang tidak wujud dalam bentuk realiti atau realisasi praktiknya. Mengapa demikian? Jawapannya, tidak lain tidak bukan, permainan fikiran, wujudnya pula sebagai kesan permainan bahasa dalam genre puitik. Puisi sebagai bentuk puitik selalunya dicirikan oleh ketidakgramatisan. Maksud yang lahir daripada makna yang disediakan oleh wacana tidak semestinya gramatis ini sesungguhnya lebih terbuka. Interpretasi diberi kebebasan untuk mencari entiti yang benar, atau yang dianggap benar, setelah sesebuah puisi itu dipraangap.

## KESIMPULAN

Bukan segala-galanya dapat dikatakan suatu idea. Oleh sebab itu, kita dapat mengenal fikiran bebas daripada diri kita. Kita bukan pembawa fikiran semacam kita pembawa idea. Kita tidak mempunyai fikiran semacam yang kita ada gambaran-maksud, dan kita juga tidak dapat melihat fikiran semacam

kita melihat bulan. Keupayaan mental tertentu, kuasa fikiran, haruslah sesuai dan cocok dengan tangkapan fikiran. Semasa berfikir kita tidak mengeluarkan sesuatu tetapi menangkapnya. Hal ini demikian kerana yang dianggap fikiran itu sangat hampir dengan kebenaran, walaupun yang difikirkan oleh seseorang itu tidak ada kena-mengena dengan kebenaran sesuatu fikiran. Sains tidak mengandungi ciptaan tetapi jumpaan fikiran yang benar.

Tangkapan fikiran mempraandai seseorang yang menangkapnya, dan yang sedang berfikir. Dia pada masa itu pembawa pemikiran tetapi bukan pembawa fikiran. Walaupun fikiran tidak tergolong kepada kandungan kesedaran pemikir, sesuatu dalam kesedarannya mestilah ditujukan sebagai fikiran. Oleh sebab itu, fikiran tidak dipunyai oleh dunia dalaman seseorang sebagai idea, tidak juga dunia kebendaan luaran sebagai benda yang tertangkap.

Yang dikatakan fikiran itu bukanlah yang selalunya benar. Dunia ialah kebenaran yang di dalamnya sesuatu bertindak ke atas yang lain, mengubahnya, dan sekali lagi mengalami reaksinya dan seterusnya berubah olehnya. Oleh sebab itu, fikiran yang mengatakan pokok itu mempunyai daun yang hijau akan menjadi palsu, tidak benar, enam bulan akan datang. Tanpa penunjuk-masa, fikiran yang kita tangkap itu tidak akan sempurna, yakni tidak ada pun fikiran di situ. Sebaliknya, kebenaran yang dikenal pasti dalam ayat indikatif tidak ditentukan oleh masa. Hal ini demikian kerana yang wujud dalam ayat tersebut ialah gambaran-fikiran sahaja, yakni yang harus dibezakan daripada fikiran dan pernyataan. Oleh sebab itu, yang cuba kita cari dalam puisi AAD dalam *Bahtera Madani* itu bukannya fikiran atau kebenaran, tetapi semata-mata gambaran-fikiran yang timbul daripada idea yang terkumpul di dalamnya. Persoalan tentang konsep fikiran dan pemikiran merupakan persoalan yang mujarad kerana perkaitan konsep itu dengan kebenaran yang sebenarnya tidak wujud dalam seni karya seperti dalam karya puitik. Untuk mengelak kekeliruan tersebut, Riffaterre menggunakan interpretan sebagai fikiran yang ditimbulkan oleh idea setelah diinterpretasi. Interpretan lebih terbuka dan boleh tertakluk kepada kemungkinan baharu yang berubah oleh proses interpretasi yang dibuat ke atas tanda, penanda dan petanda dalam wacana yang terbentuk oleh dan sebagai juga apa yang dikatakan sistem tanda sendiri.

Berdasarkan konsep fikiran yang biasa ditakrif oleh ahli sastera, bukan yang dipersepsi oleh ahli falsafah, terdapat beberapa dunia dalaman yang dikemukakan oleh AAD sebagaimana yang tercorak mengikut persepsi dan psikologi orang Melayu dengan agama Islam. Dari segi paradigma yang menempatkan orang Melayu pada pembentukan sikap yang kurang sihat

daripada kepercayaan ajaran Islam, AAD menunjukkan sikapnya untuk mengajak bangsa Melayu beralih daripada berada pada paradigma yang lama dan lazim kepada paradigma menurut pemikiran Islam pada anjakan yang baharu. Orang Melayu yang terlalu lekeh dengan sifat dan sikap yang murah seperti iri hati, suka mengumpat dan menjaga tepi kain orang lain, diajak supaya berfikir ke arah pembentukan masyarakat Melayu yang maju. Pembentukan ini dianjurkan supaya tidak mengabaikan tuntutan ajaran Islam secukup-cukup dan sebaik mungkin, sama ada pada aras zahiriah (praktikal) atau batiniah (mistikal). Bersyukur dengan pemberian Ilahi dan menunaikan tanggungjawab mukmin kepada Allah tidak pernah berkecenderungan untuk menimbulkan kesan yang merosakkan manusia; malahan, memperkuat lagi perasaan ingin belajar, menimba ilmu dan bekerja keras demi kejayaan umat Islam.

Walaupun kehadirannya terselindung, AAD berusaha menunjukkan sesuatu kepada pembaca puisinya supaya sentiasa memperbaiki diri dalam usaha mengejar kebahagiaan dunia, dengan cara yang tidak meninggalkan nilai tradisi yang sejajar dengan tuntutan Islam. Sesuai dengan hakikat kejadian manusia yang dibezakan oleh bahasa yang berbeza, bahasa Melayu harus dijadikan hanya alat masyarakat dan negara untuk mencapai kemajuan ekonomi dan teknologi sebagai cara hidup masyarakat untuk menikmati peningkatan kehidupan dalam era globalisasi. Bagi AAD, tidak ada sebab bahasa lain digunakan untuk membantu bahasa Melayu mencapai kemajuan ekonomi dan teknologi negara, selaras dengan kemajuan dunia.

Idea yang dikemukakan berkisar dengan banyaknya pada cara orang Melayu berfikir, bertingkah laku dan membuat pilihan yang tidak mendatangkan kesan yang positif kepada diri dan kehidupan mereka. Orang Melayu dianggap golongan yang lupa dan lalai dengan tugas mereka terhadap perintah Allah taala yang, bagi AAD, tidak merugikan sesiapa pun. Manusia diperingat supaya tidak lupa bahawa kemajuan yang dicapai pada hari ini adalah atas bantuan dan izin Allah belaka. Banyak perkara dan peristiwa yang takjub telah dimungkinkan oleh kebesaran Allah.

Pendidikan umat Islam juga disisipkan di sana sini, tetapi tidak secara khusus. Aspek pendidikan dilamar untuk memujuk orang Melayu agar berfikir bahawa sependai mana pun manusia, kepandaian itu masih belum sebesar debu pun di sisi Allah. Oleh yang demikian, tidak ada sebab manusia perlu mengamalkan sikap gemar bercakap besar, bongkak dan sombong setelah mereka dikurniakan kekayaan dan kesenangan. Sikap yang suka menyalahkan orang lain dan membenarkan diri sendiri juga merupakan penyakit Melayu yang masih belum berupaya dibuang dalam kehidupan

bermasyarakat. Penyakit sosial seperti ini sengaja didedahkan oleh AAD untuk maksud dokumentasi kognitif dalam minda orang Melayu.

Rata-rata A. Aziz Deraman memberi pemberatan yang lebih kepada keutamaan untuk memenuhi ruang Ilahi yang kosong dalam diri orang Melayu sebagai mukmin yang mendefinisikan bangsa Melayu itu sendiri. Penyediaan bekal untuk dunia akhirat yang menyambung dunia zahir lebih ke depan lagi itu menjadi tanggungjawab manusia sebagai makhluk Allah yang tuntutan dan perintah-Nya harus dipenuhi oleh umat Islam, setidaknya sebagai hadiah perasaan terima kasih mereka kepada Allah taala yang telah memberi nikmat dan rahmat yang tidak terhingga kepada mereka buat selama-lamanya. Allah yang pengasih dan penyayang sebaik-baiknya dibalas dengan amalan, berserta perasaan kasih, cinta dan hubungan akrab yang abadi terhadap-Nya.

Akhir sekali, antara kebenaran dengan rujukan tentang peristiwa yang hadir dalam puisi merupakan hubungan prinsip yang dengannya kita cuba memahami hubung kait antara bahasa manusia dengan fikiran, bersama-sama dunia di sekeliling kita. Sehingga kita memperoleh pemahaman yang puas tentang kebenaran dan rujukan, kita masih belum boleh berharap untuk mengetahui permulaan daripada pemahaman yang cukup tentang bahasa manusia dan fikiran itu. Kita sebenarnya tidak mempunyai pun sebarang permulaan pemahaman yang cukup puas tentang kebenaran dan rujukan yang lahir, dan yang dilahirkan, dalam puisi yang termuat dalam *Bahtera Madani* itu setakat ini. Oleh sebab itu, puisi A. Aziz Deraman masih tinggal sangat terbuka.

## RUJUKAN

- Bach, Kent, 1987. *Thought and Reference*, Oxford: Oxford University Press.
- Field, H., 2000. "Tarski's Theory of Truth" dlm. Harnish, *Basics Topics in the Philosophy of Language*, Englewood Cliffs: Prentice-Hall.
- Frege, G., 2000. "On Sense and Reference" dlm. Harnish, *Basic Topics in the Philosophy of Language*, Englewood Cliffs: Prentice-Hall.
- Grice, Paul, 1969. "Utterer's Meaning, Sentence-Meaning and Word Meaning", dlm. *Foundations of Language*.
- Grice, Paul, 1989. *Studies in the Ways of Words*, Cambridge, Mass.: Harvard University Press.
- Jakobson, Roman, 2000. "Linguistics and Poetics (1060)" dlm. Lucy Burke dll., *Language and Cultural Theory Reader*, London: Routledge.

- Putnam, H., 2000. "The Meaning of 'Meaning'", dlm. Harnish, *Basic Topics in the Philosophy of Language*, Englewood Cliffs: Prentice-Hall.
- Recanati, Francois, 1989. "The Pragmatics of What is Said", *Mind & Language*.
- Ricoeur, Paul, 2000. 'The Creativity of Language (1981)', dlm. Lucy Burke dll., *Language and Cultural Theory Reader*, London: Routledge.
- Riffaterre, Michael, 1976. *Semiotics of Poetry*, Bloomington: Indiana University Press.
- Schelling, Thomas C., 1960. *The Strategy of Conflict*, Cambridge, Mass.: Harvard University Press.
- Schiffer, Stephen R., 1987. *The Remnants of Meaning*, Cambridge, Mass.: MIT Press.